



PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI KHAMIS: 5 MARCH 2009

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 11 HINGGA 71)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 10
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

NW = 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR
BIN HAJI SALLEH
(KALABAKAN)
TARIKH : 05. 03. 2009
NO. SOALAN : 42 11

DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH (KALABAKAN)
minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**
menyatakan:

- (a) apakah Kementerian sedar bahawa jualan murah yang menawarkan potongan harga hingga 70 peratus dan
- (b) jika sedar, apakah kaedah khusus Kementerian dalam menentukan agar semua jualan murah ini adalah tulen dan bukan gimik jualan atau bertujuan memanipulasi harga semata-mata.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian sedar tentang adanya aktiviti tawaran jualan murah yang menawarkan potongan harga hingga 70 peratus. Secara konsisten Kementerian menjalankan pemantauan dan pemeriksaan bagi menentukan kesahihan sesuatu jualan murah yang diadakan itu.

Kementerian melaksanakan kaedah pemeriksaan di bawah Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 1997 bagi menentukan kesahihan sesuatu jualan murah yang dijalankan itu. Secara khususnya, Peraturan-Peraturan tersebut mewajibkan peniaga-peniaga yang hendak menganjurkan jualan murah supaya mengemukakan notis bertulis kepada Kementerian ini 14 hari sebelum jualan murah diadakan. Penerimaan notis tersebut dijadikan asas untuk Kementerian ini menjalankan pemeriksaan sebelum dan semasa sesuatu jualan murah diadakan. Selain daripada aspek harga, pemeriksaan juga ditumpukan kepada pembekalan barang-barang selaras dengan tanggungjawab peniaga menentukan barang-barang yang dijual itu mempunyai kualiti boleh dagang, sesuai serta layak untuk tujuannya, "*fitness for purpose*" dan diberikan waranti atau jaminan.

Kementerian terus memberi perhatian dalam penyelewengan jualan murah dengan mempertingkatkan penguatkuasaan dan tindakan tegas akan dikenakan terhadap mereka yang terlibat. Dalam pada itu, Kementerian juga mengalu-alukan maklumat-maklumat spesifik daripada orang ramai tentang penyelewengan jualan murah.

Soalan No: 12

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK ERIC ENCHIN
MAJIMBUN
(SEPANGGAR)**

TARIKH : 05.03.2009

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan sama ada jalan luar bandar seperti Jalan Tampulan-Kiulu, Jalan Pulutan-Mansiang, Jalan Kawakaan-Tindai dan Jalan Kiambang-Babagon Toki di bawah bidang kuasa Kementerian ini dan jumlah peruntukan

penyelenggaraan untuk semua jalan luar bandar dan jalan kampung di Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Y.B. Datuk, pembinaan jalan Tampulan ke Kiulu adalah di bawah seliaan JKR Negeri Sabah di mana peruntukan bagi pembinaannya dibiayai oleh kerajaan Negeri Sabah.

Bagi cadangan pelaksanaan jalan Pulutan Mansiang, jalan Kewakahan-Tindai dan jalan Kiambang Babagon Toki, Kementerian ini telah menyenaraikannya di bawah Program Jalan Luar Bandar (JALB) RMKe-10. Pelaksanaan ketiga-tiga jalan ini tertakluk kepada peruntukan

yang mencukupi disediakan. Pada tahun ini sejumlah RM200 juta dan RM850 juta diluluskan bagi pelaksanaan Projek Jalan Kampung (PJK) dan Jalan Luar Bandar (JALB). Berdasarkan kepada jumlah tersebut, sejumlah RM44.15 juta(22.0%) telah diagihkan kepada projek PJK Negeri Sabah dan sejumlah RM 205.20 juta (24.0%) bagi pelaksanaan JALB Negeri Sabah.

NO: 13

JAWAPAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ (SRI GADING)

TARIKH : 5 MAC 2009 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 13

Y.B. DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIIZ minta **MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan berapakah peruntukan tahunan dan apakah faedah yang diperoleh Kerajaan dari pemberian Skim Latihan Penggiat Seni (SLPPS), difahamkan Kementerian telah membantu para penggiat seni dengan penubuhan skim ini yang bertujuan untuk membantu mereka dalam bidang kemahiran masing-masing.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Skim Latihan Pembangunan Penggiat Seni (SLPPS) tidak mempunyai peruntukan khas tahunan dan penajaan kepada penggiat seni yang telah diluluskan adalah di bawah Akaun Amanah Kebudayaan. Sejak skim ini dilancar pada tahun 2005, seramai 132 orang telah menerima sumbangan dalam pelbagai bidang seni budaya. Sebagai contoh pada tahun 2008, sebanyak 8 orang penggiat seni telah diberi penajaan yang berjumlah RM 64,092.00.

Faedah kepada Kerajaan dari pemberian skim ini adalah setiap penerima SLPPS dikehendaki memberi sumbangan kepada kerajaan apabila diperlukan mengikut kepakaran dan kelulusan yang diperolehi daripada latihan dan kursus yang telah dihadiri olehnya.

Sumbangan tersebut sama ada dalam bentuk perkhidmatan, khidmat nasihat, memberikan latihan, syarahan, penyelidikan atau apa-apa bentuk yang dinyatakan oleh kerajaan atau agensi-agensi dibawahnya.

Penerima SLPPS juga hendaklah bersedia apabila dikehendaki oleh kerajaan untuk berkhidmat dengan kerajaan atau agensi-agensi dibawahnya dalam tempoh yang ditetapkan (jika ada) sama ada secara tetap atau kontrak bergantung kepada keperluan dan kekosongan jawatan. Dalam perkara ini kerajaan atau agensi-agensi dibawahnya boleh memberikan apa-apa balasan sama ada dalam bentuk sugu hati, gaji, elaun dan sebagainya di atas sumbangan yang diberikan oleh penerima.

Sehingga kini, pihak Kementerian tidak menghadapi sebarang masalah untuk mendapatkan sumbangan dan kepakaran daripada penggiat seni tersebut.

SOALAN NO: 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN
[PENGKALAN CHEPA]
TARIKH : 5 MAC 2009
RUJUKAN : 1555

SOALAN:

Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pelancong-pelancong yang diberi VOA diperiksa kesihatan mereka dan berapa ramaikah yang didapati mempunyai penyakit kronik seperti HIV dan dirawat di hospital-hospital Malaysia dan berapa ramaikah yang telah terlibat dengan kegiatan pelacuran.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y. B. dari Pengkalan Chepa yang bertanya soalan tersebut.

Pelawat yang memohon VOA semasa tiba di pintu masuk negara tidak diperiksa tahap kesihatan mereka. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu contohnya semasa kes *Severe Acute Respiratory Syndrome* (SARS) yang melanda pada tahun 2003, pengeluaran visa kepada warganegara 2 negara yang dijangkiti penyakit SARS iaitu Vietnam dan Kanada telah diperketatkan. Mereka dikehendaki untuk mengemukakan laporan doktor di hospital atau klinik negara berkenaan yang mengesahkan bahawa mereka bebas dari penyakit SARS. Sehubungan itu, tiada statistik yang dapat diberikan bagi pemegang VOA yang mempunyai penyakit kronik seperti HIV dan dirawat di hospital-hospital Malaysia.

Manakala pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) juga tidak mempunyai statistik terperinci mengenai penglibatan pelawat-pelawat asing yang menggunakan VOA dalam kegiatan pelacuran. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan Malaysia telah pun mengetatkan pengeluaran VOA berkuat kuasa pada 1 Ogos 2008 bagi mengatasi masalah penyalahgunaan kemudahan tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MOHD NASIR BIN
IBRAHIM FIKRI [KUALA NERUS]

BERTARIKH : 5 MAC 2009

SOALAN :

MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN PEMBANGUNAN YANG PESAT BERLAKU DI PARLIMEN KUALA TERENGGANU DAN PARLIMEN KUALA NERUS TELAH MENYEBABKAN KESESAKAN LALU LINTAS YANG MENGHUBUNGAN KEDUA-DUA PARLIMEN INI, ADAKAH KERAJAAN BERCADANG UNTUK MEMPERCEPATKAN PROSES PEMBINAAN JAMBATAN PULAU SEKATI YANG TELAH TERTANGGUH SEJAK TAHUN 2006 LAGI.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, PROJEK INI TELAH SIAP DI REKABENTUK PADA TAHUN 2006 DAN TERTANGGUH DISEBABKAN ADA PERUBAHAN SKOP KERJA ATAS PERMINTAAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU.

PADA ASALNYA PROJEK INI DIBAWAH PERUNTUKAN PEMBANGUNAN P27 TETAPI DISEBABKAN PERUBAHAN SKOP KERJA KOS PROJEK TELAH MENINGKAT DAN PROJEK TELAH DIPOHON UNTUK DILAKSANA DIBAWAH PERUNTUKAN DANA KHAS KERAJAAN PERSEKUTUAN. KELULUSAN PERUNTUKAN DANA KHAS DARI KEMENTERIAN KEWANGAN TELAH DILULUSKAN PADA 6 FEBRUARI 2008 SEBANYAK RM80 JUTA.

JKR TELAH MEMOHON PERLANTIKAN PERUNDING YANG SAMA (JURUTERA PERUNDING ZAR SDN BHD)

UNTUK KERJA-KERJA REKABENTUK SEMULA BERDASARKAN SKOP KERJA BARU SEPerti YANG DIMINTA OLEH KERAJAAN NEGERI TERENGGANU.

SKOP KERJA BARU INI MELIBATKAN KERJA-KERJA SEPerti BERIKUT:

- 1. MENAIKTARAF DAN MELEBAR JALAN LOSONG FERI DIHADAPAN MUZIUM NEGERI DAN MEMBINA JALAN SUSUR YANG AKAN MENGHUBUNGGKAN JALAN MASUK KE TAMAN TAMADDUN ISLAM,**
- 2. MEMBINA JAMBATAN EMPAT (4 LORONG) 3.5M SETIAP SATU, 1.75M LALUAN PEJALAN KAKI SERTA BAHU JALAN SELEBAR 2.0M MELINTASI SUNGAI TERENGGANU,**
- 3. MEMBINA JALAN PENGHUBUNG DARI JAMBATAN KE LALUAN BARU JERAM KTOK KONG – BUKIT GUNTONG DI PERSIMPANGAN FT 003 DAN**
- 4. KERJA-KERJA LANSKAP, PERPARITAN, LAMPU JALAN DAN PERABUT JALAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN.**

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA TELAH MELULUSKAN PERMOHONAN PERLANTIKAN PERUNDING PADA 29 OKTOBER 2008.

STATUS PROJEK SEKARANG ADALAH SEDANG MENYEDIAKAN REKABENTUK AWALAN DAN DIJANGKA PELAKSANAANNYA PADA PERTENGAHAN TAHUN 2010. PELAKSANAAN PROJEK ADALAH SECARA KONVENSIONAL PERUNDING DAN MASIH TIADA NAMA KONTRAKTOR YANG TERLIBAT BUAT MASA INI.

KEMENTERIAN KERJA RAYA AKAN BERUSAHA UNTUK MEMPERCEPATKAN PELAKSANAAN PROJEK JAMBATAN PULAU SEKATI INI SEKIRANYA TAMBAHAN PERUNTUKAN DIPEROLEHI MEMANDANGKAN KOS PEMBINAAN KINI YANG MENINGKAT. PERUNTUKAN YANG TELAH DILULUSKAN BERJUMLAH RM80 JUTA ADALAH TIDAK MENCUKUPI UNTUK PELAKSANAAN PROJEK.

NW=16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
(PARIT BUNTAR)
TARIKH : 05. 03. 2009
NO. SOALAN : 36 / 16

DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA (PARIT BUNTAR) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah usaha untuk mengawal harga makanan yang sudah dimasak di premis-premis PBT bagi menghalang pengusaha gerai-gerai makanan mengambil kesempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Makanan yang tersedia masak bukanlah barang kawalan sama ada dari aspek bekalan dan harga. Kerajaan tidak menetapkan harga siling runcit bagi apa-apa jenis makanan tersedia masak tidak kira di mana ianya dipasarkan atau ditawarkan. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak boleh mengambil tindakan terhadap pengusaha-pengusaha gerai makanan jika mereka mengenakan harga yang mahal.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah memainkan peranan bagi membantu peniaga-peniaga terlibat agar meletakkan harga yang munasabah bagi makanan yang tersedia masak. Antara usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan iaitu:

- i) mengekal dan menetapkan harga siling beras, gula dan tepung gandum yang merupakan bahan asas penting dalam setiap makanan dan minuman yang ditawarkan. Melalui penetapan harga siling runcit bahan asas tersebut, peniaga-peniaga sepatutnya dapat mengekalkan kos pengeluaran dan tidak menaikkan harga kepada menu makanan yang tersedia masak;
- ii) melalui pemeriksaan bersepadu bersama agensi-agensi yang berkaitan seperti PBT, Kementerian Kesihatan, Imigresen, SSM dan sebagainya bertujuan menjaga kepentingan pengguna. Agensi berkenaan akan menguatkuasakan undang-undang berasaskan bidangkuasa masing-masing;
- iii) penguatkuasaan Akta Kawalan Harga 1946 dengan mewajibkan setiap pruncit meletakkan tanda harga pada barangan yang hendak ditawarkan untuk dijual atau pun sebagai sampel. Penandaan harga atau senarai harga makanan tersedia masak yang terdapat pada menu merupakan maklumat penting kepada orang ramai sebelum membuat sebarang pesanan makanan. Sehubungan dengan itu, pengguna boleh membuat pilihan sama ada terus membuat pembelian atau sebaliknya. Sekiranya pengusaha-pengusaha gerai makanan tidak meletakkan tanda harga atau tanda harga yang dipamerkan tidak sama dengan harga yang ditawarkan maka tindakan undang-undang boleh diambil.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **LISAN**
- DARIPADA** : **Tuan Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam]**
- TARIKH** : **5 MAC 2009 (Khamis)**
- SOALAN** : Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh mana pihak Kerajaan menyediakan kemudahan infrastruktur asas kepada nelayan-nelayan pantai di pengkalan-pengkalan nelayan seperti jeti, jambatan, surau, balai masyarakat, lampu awam dan jalan-jalan penghubung, khususnya pengkalan nelayan yang terdapat di kawasan Sabak Bernam.
- JAWAPAN** : Kementerian melalui LKIM selaku agensi yang bertanggungjawab kepada nelayan dalam menyalurkan kemudahan di perkampungan nelayan telah membelanjakan sebanyak **RM 2,197,298.00** bagi membiayai **49 jenis projek / program** diseluruh Negeri Selangor. Projek-projek ini termasuklah membina jeti pendaratan yang baru, membaikpulih jeti yang sedia ada, membaikpulih bangunan serbaguna nelayan, membina tandas dan sebagainya.
- Bagi kawasan Parlimen Sabak Bernam, Persatuan Nelayan yang terlibat ialah Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Sungai Besar. Untuk tahun 2006 – 2008, LKIM telah membelanjakan sebanyak **RM383,000.00** bagi membiayai **8 projek** di kawasan Parlimen Sabak Bernam.

Projek-projek tersebut adalah;

- i. Menurap Halaman Pejabat PNK Sg. Besar
- ii. Menaiktaraf Balai nelayan Sg. Haji Dorani
- iii. Membina Pusat Aktiviti Ekonomi KUNITA Sg. Pulau
- iv. Bina jeti & restoran nelayan di Prt. Baru Baruh, S. Bernam
- v. Bina jeti & bangsal nelayan di Kg. Banting, Sabak Bernam
- vi. Membina Tandas dan Bilik Air Pengkalan Nelayan Sg. Besar
- vii. Anugerah Desa Wawasan (Naib Johan) Kg. Sg. Haji Dorani
- viii. Membina Bangunan Tambahan Bangsal Serbaguna dan Baikpulih Tandas di Jeti Kuala Sg. Lama

NO: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

**TARIKH JAWAPAN : 5 MAC 2009 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. 18

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah kenaikan tarif yang telah dipersetujui bagi air menurut Perjanjian Konsesi yang dimasuki oleh Kerajaan Persekutuan, khususnya SYABAS dan sama ada Kerajaan sedia untuk mengumumkan perjanjian kepada orang awam.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS) telah memohon semakan tarif air untuk tempoh Operasi Ketiga yang dijadualkan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009 sehingga 31 Disember 2011. Permohonan oleh SYABAS ini adalah sebagaimana yang dinyatakan di dalam Perjanjian Konsesinya.

Dengan yang demikian, sebarang keputusan yang akan dibuat oleh pihak Kerajaan dalam menentukan penyelarasan tarif air yang dipohon oleh pihak SYABAS adalah berasaskan kepada keupayaan SYABAS dalam memenuhi beberapa parameter yang telah ditetapkan di dalam perjanjian konsesinya.

Parameter tersebut adalah meliputi pencapaian pengurangan kadar air tidak terhasil (NRW), kos pengagihan, perbelanjaan modal (CAPEX), kutipan hasil dan perbelanjaan pembelian air terawat.

Untuk tujuan tersebut, Kerajaan telah melantik Jabatan Audit Negara untuk melaksanakan pengauditan bagi menentukan asas perkiraan kenaikan tarif yang dipohon oleh SYABAS dan pengauditan tersebut telah pun selesai dijalankan. Susulan daripada itu, pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sedang meneliti hasil penemuan yang dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara tersebut sebelum mengesyorkan sebarang bentuk penyelarasan tarif untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan Persekutuan. Sementara itu, Kerajaan Persekutuan telah mengambil keputusan untuk menangguhkan dahulu keputusan permohonan penyelarasan tarif air SYABAS sehingga 31 Mac 2009 bagi membolehkan rundingan penstrukturan semula industri air di negeri Selangor diselesaikan.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui SPAN berpandukan kepada Seksyen 69 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655), telah mewujudkan satu instrumen yang dikenali sebagai Forum Air. Melalui Forum Air, Kerajaan dan SPAN bersedia mendedahkan hasil penemuan pengauditan beberapa parameter yang secara langsung ada kaitan dengan kepentingan pengguna seperti kadar NRW, kualiti air, tahap perkhidmatan dan lain-lain. Dengan pendedahan tersebut, pengguna akan diberikan peluang untuk mengemukakan pandangan dan maklum balas

berhubung perkara tersebut dan mengemukakan cadangan balas kepada SPAN dan Kerajaan bagi meningkatkan lagi perkhidmatan air di negeri Selangor.

No: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]**

**TARIKH JAWAPAN : 5 MAC 2009 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. 19

SOALAN

YB. Lim Teck Meng minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan hasil rundingan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dengan negeri Johor mengenai pengambilan perkhidmatan air dan asetnya oleh **PAAB**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Rundingan di antara Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Kerajaan Negeri Johor bagi tujuan penyusunan semula industri perkhidmatan air negeri Johor telah pun berada pada peringkat akhir. Rundingan tersebut antara lainnya adalah berkaitan dengan pengambilalihan liabiliti dan aset Kerajaan Negeri Johor dan SAJ Holdings Sdn Bhd (SAJH) oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

Di bawah skim penstrukturan ini, konsesi SAJH akan ditamatkan lebih awal dan perkhidmatan air di negeri Johor akan berhijrah ke rejim pelesenan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655). SAJH akan diberikan lesen individu yang dikawal selia sepenuhnya oleh SPAN melalui syarat-syarat yang terkandung dalam lesen berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B PUAN CHONG ENG
(BUKIT MERTA JAM)**

TARIKH : 5 MAC 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan kedudukan terkini pelaksanaan projek Pusat Jagaan Kanak-kanak Komuniti. Nyatakan lokasi pusat-pusat jagaan ini dan sehingga tahun ini berapakah orang kanak-kanak telah bermanfaat di bawah program ini.

Jawapan ini telah diluluskan oleh Y. Bhg. Datuk KSU. Segala pindaan perlu dirujuk semula kepada pihak Urusetia bagi memastikan kesahihan maklumat.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan kemudahan pengasuhan untuk kanak-kanak yang berumur empat tahun ke bawah sebagai usaha kerajaan memastikan kanak-kanak dari keluarga berpendapatan rendah mendapat pengasuhan yang berkualiti dan terjamin.

Tuan Yang di-Pertua,

Kemudahan ini dikenali sebagai Taska Komuniti dan bukannya Pusat Jagaan Komuniti. Sehingga akhir Disember 2008, sebanyak 26 buah Taska Komuniti di seluruh negara telah diwujudkan dan memberi manfaat kepada seramai 340 orang kanak-kanak (179 orang lelaki dan 161 orang perempuan).

Jawapan ini telah diluluskan oleh Y. Bhg. Datuk KSU. Segala pindaan perlu dirujuk semula kepada pihak Urusetia bagi memastikan kesahihan maklumat.

Lokasi Taska Komuniti mengikut negeri adalah seperti berikut :-

NEGERI	JUMLAH	BIL. KANAK-KANAK
Selangor	5	106*
Perak	2	6*
Johor	2	9*
Sarawak	2	13*
W.P. Kuala Lumpur	3	62*
Negeri Sembilan	2	44
Pahang	2	21*
Sabah	1	-*
Kedah	2	22*
Kelantan	2	13*
Melaka	1	6
Terengganu	1	11
Perlis	1	-*
JUMLAH	26	313

* Baru diluluskan penubuhan pada Oktober 2008 dan pengambilan kanak-kanak belum dibuat

Jawapan ini telah diluluskan oleh Y. Bhg. Datuk KSU. Segala pindaan perlu dirujuk semula kepada pihak Urusetia bagi memastikan kesahihan maklumat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
(PULAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 05.03.2009

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan akan memansuhkan skim pencen pegawai Kerajaan sekiranya skim tersebut tidak mampu dibiayai oleh Kerajaan dan jelaskan sama ada Kumpulan Wang Amanah Pencen mempunyai dana yang cukup untuk membayar liabiliti pencen tahun 2025 nanti.

JAWAPAN:

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak akan memansuhkan skim pencen pegawai Kerajaan. Kedudukan semasa dana Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] adalah berjumlah RM54.06 bilion. Pertumbuhan tahunan dana KWAP secara purata ialah 14.5% setahun sejak ianya diperbadankan pada 1 Mac 2007. KWAP telah mencatat pulangan pelaburan sebanyak 9.27% bagi tahun 2007 dan 5.95% bagi tahun 2008. Sehingga kini, bayaran pencen

dan faedah persaraan lain dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan. Buat masa kini, KWAP menumpukan kepada pertumbuhan dananya dan KWAP dijangka mampu membiayai sebahagian liabiliti pencen apabila saiz dana KWAP mencukupi bagi menjana pulangan yang membolehkannya membiayai liabiliti pencen.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]**

TARIKH : 5 MAC 2009

RUJUKAN : 1554

SOALAN:

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah Kerajaan
untuk mengatasi masalah pekerja-pekerja asing yang sudah
diberhentikan oleh majikan mereka dan masih berada di negara
ini.**

JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 5.3.2009

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Kuala Langat di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang wajar bagi mengatasi masalah pekerja-pekerja asing yang telah diberhentikan oleh majikan mereka akibat kemelesetan ekonomi pada masa ini. Buat masa ini, Kerajaan telah mengarahkan agar mana-mana majikan yang ingin menutup operasi atau mengecilkan saiz operasi dan telah memberhentikan pekerja-pekerja mereka mereka agar menghantar pulang pekerja asing ke negara asal bagi mengelakkan mereka berkeliaran tanpa majikan di negara ini sekaligus menimbulkan masalah sosial kepada negara. Penghantaran pulang ini juga akan dapat mengurangkan persaingan terhadap warga tempatan terutamanya yang telah diberhentikan untuk mengisi kekosongan dan peluang pekerjaan yang ada.

Di dalam situasi yang gawat ini, Kerajaan tiada pilihan selain mengarahkan majikan agar memberikan keutamaan pekerjaan kepada warga tempatan dan menghantar pekerja-pekerja asing mereka pulang. Kerajaan juga telah bertindak membekukan kemasukan pekerja asing untuk aktiviti-aktiviti perkilangan berkaitan elektrik/elektronik dan tekstil di samping beberapa subsektor di dalam sektor perkhidmatan. Pembekuan ini dijangka dapat membantu mengurangkan bilangan pekerja asing di dalam negara dan dapat membantu warga tempatan mengisi peluang pekerjaan di dalam kedua-dua sektor berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN CHUA TEE YONG (LABIS)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 05.03.2009

Tuan Chua Tee Yong (Labis) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada terdapat sebarang garis panduan yang dikeluarkan kepada Kementerian atau badan berkanun untuk memastikan wang yang dilaburkan dalam syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan membawa pulangan yang diharapkan bagi mengelak kerugian seperti yang dialami oleh Pempena.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berhati-hati dan mengambilkira beberapa faktor termasuk faktor *viability* sebelum membuat keputusan untuk melabur dalam sesuatu projek/syarikat. Namun, dalam memastikan kesejahteraan awam dan kepentingan negara diambilkira, terdapat juga beberapa pelaburan Kerajaan terutamanya di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan, yang tidak menguntungkan tetapi dilaksanakan atas kepentingan dan tanggungjawab sosial serta untuk tujuan pembangunan negara sebagai contoh syarikat Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn Bhd (RapidKL) dan Syarikat

Prasarana Negara Berhad (Prasarana) bagi penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam di Lembah Kelang dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bagi perkhidmatan keretapi.

2. Di samping itu, bagi memastikan Kerajaan mendapat pulangan daripada sesuatu pelaburan dalam syarikat-syarikat berkenaan, Kerajaan juga mengeluarkan garis panduan dan surat arahan yang berkaitan, antara lainnya Dasar dan Garis Panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan serta Arahan bagi meningkatkan kualiti perancangan dan kawalan ke atas pengurusan syarikat yang dikeluarkan dalam tahun 1993. Garis panduan dan arahan tersebut terpakai kepada semua syarikat Persekutuan, Negeri dan Badan Berkanun. Garis panduan mengenai pembayaran dividen pada dasarnya menetapkan pembayaran dividen sekurang-kurangnya 10 peratus daripada keuntungan setiap tahun kepada Kerajaan sebagai pulangan modal selaku pemegang saham di syarikat berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN
[PENDANG]
TARIKH : 5 MAC 2009
SOALAN :

Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah penderma darah pada tahun 2007 di seluruh negara, jenis darah yang didermakan dan faedah yang diperolehi oleh mereka yang sering menderma.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2007, terdapat seramai 507,462 penderma darah di seluruh negara. Jenis darah yang didermakan adalah *whole blood*, *packed cells* dan *platelet*. Darah yang diderma adalah dari kumpulan A, B, AB dan O.

Faedah yang diperolehi adalah bergantung kepada jumlah bilangan pendermaan yang telah dibuat, mereka yang sering menderma, akan diberikan faedah percuma rawatan pesakit luar dan rawatan

perubatan wad kelas dua. Mereka yang menderma lebih daripada 50 kali jenis *whole blood*, sebagai tambahan kepada rawatan percuma pesakit luar, akan diberi percuma rawatan perubatan wad kelas satu untuk tempoh 10 tahun dan setelah itu mereka akan menerima percuma rawatan perubatan wad kelas dua untuk seumur hidup.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID
[PADANG BESAR]
TARIKH : 5 MAC 2009
SOALAN :

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan baru-baru ini rakyat telah dikejutkan dengan cadangan syarikat GLC untuk menswastakan Institusi Jantung Negara (IJN). Sepuluh tahun yang lalu, rakyat juga menentang kecenderungan Kerajaan untuk menswastakan Hospital-hospital Kerajaan. Setelah dua kali gagal, adakah Kerajaan masih sanggup melayani cadangan seperti ini oleh mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua,

IJN (Institut Jantung Negara) merupakan badan yang dikorporatkan di bawah Kementerian Kewangan. Kementerian Kesihatan tiada cadangan untuk mewujudkan cawangan-cawangan IJN. Keputusan penswastaan bagi IJN bukan dalam bidang kuasa Kementerian Kesihatan. Namun demikian, Kementerian Kesihatan sedang

berusaha untuk mewujudkan pusat-pusat kardiotorasik di beberapa negeri iaitu di Kota Kinabalu, bagi Zon Sabah dan di Hospital Kuantan bagi Zon Timur. Kementerian Kesihatan juga mempunyai perancangan untuk memperkukuhkan perkhidmatan di pusat-pusat kardiotorasik yang telah wujud di Hospital Pulau Pinang, Pulau Pinang (bagi Zon Utara), di Hospital Sultanah Aminah, Johor Baharu (bagi Zon Selatan), di Hospital Umum Sarawak, Kuching (bagi Zon Sarawak) dan di Hospital Serdang (bagi Zon Tengah).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK
[SIK]**

TARIKH : 5 MAC 2009

SOALAN :

Minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah peruntukan terbaru yang dibuat oleh Kerajaan semasa Pilihan Raya Kecil Kuala Terengganu baru-baru ini. Adakah Kerajaan akan memastikan semua projek ini akan dilaksanakan.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh 28 November 2008 hingga 17 Januari 2009 sebanyak 511 projek bernilai RM18,935,000.00 telah diluluskan untuk kawasan Parlimen Kuala Terengganu. Dari jumlah ini sebanyak 139 projek bernilai RM5,230,000.00 bagi Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan 372 projek bernilai RM13,705,000.00 bagi Projek Infrastruktur Asas (PIAS). Pembiayaan bagi

projek-projek ini adalah dari peruntukan semasa yang sedia ada yang telah diluluskan mengikut perancangan awal.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. JAMES DAWOS MAMIT
(MAMBONG)**

TARIKH : 05.03.2009

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan bilakah agaknya Kementerian akan melaksanakan projek-projek Bekalan Elektrik Luar Bandar(BELB) ke Kampung Sibulung, Kampung Tringus dan Kampung Gumbang di Daerah Bau, Kampung Timurang Baru di Daerah Kuching dan Kampung Munggu Kopi di Daerah Serian.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, senarai keutamaan pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) sambungan talian grid di negeri Sarawak diputuskan oleh Kementerian Kemudahan Awam (KKA) selepas mengambil kira pandangan teknikal daripada Syarikat SESCO Berhad. Sekiranya keupayaan bekalan talian utama SESCO di satu-satu kawasan telah mencapai tahap maksimum, maka Kementerian tidak dapat meneruskan pelaksanaan projek untuk mengelakkan masalah susutan beban bekalan kelak.

Khusus bagi pelaksanaan projek BELB di 5 buah kampung yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, Kementerian akan menyenaraikannya untuk pelaksanaan projek BELB pada tahun 2009-2010 sekiranya memenuhi skop pelaksanaan projek.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dr. Siti Mariah Binti Mahmud

[Kota Raja]

TARIKH : 5 Mac 2009

SOALAN : Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk menyelamatkan orang-orang Islam daripada terus bekerja di dalam sektor yang haram di sisi agama walaupun pekerjaan ini halal di segi undang-undang (terutamanya arak dan perjudian).

Jawapan:

Tuan Yang di Pertua,

Kerajaan sedar dan prihatin terhadap pekerja Islam yang bekerja di dalam sektor yang haram di sisi agama terutamanya arak dan perjudian. Oleh itu kerajaan melalui Jakim dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri telah mengadakan seminar, kursus dan taklimat bagi menjelaskan kepada semua masyarakat agar tidak melibatkan diri dengan pekerjaan yang bercanggah dengan syarak. Selain itu berbagai media digunakan bagi menyampaikan maklumat berkenaan melalui pendekatan-pendekatan berikut:

NO SOALAN:28

- i) Khutbah Jumaat
- ii) Penerangan melalui tv dan radio
- iii) Penulisan artikel di dalam risalah, majalah dan akhbar tempatan
- iv) Laman web Jakim
- v) Kaunseling dan khidmat nasihat agama
- vi) Tindakan penguatkuasaan melalui **Akta/Enakmen Jenayah Syariah Negeri-negeri**
- vii) Tindakan pendakwaan terhadap pesalah jenayah syariah

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MATULIDI BIN JUSOH
(DUNGUN)**

TARIKH : 05.03.2009

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan bilangan golongan miskin tegar yang berjaya disifarkan mengikut negeri dan apakah rancangan baru Kementerian untuk kemiskinan tegar sifar negara menjelang tahun 2010.

JAWAPAN:

Secara umumnya, kadar kemiskinan tegar negara telah menurun daripada 1.2% pada tahun 2004 kepada hanya 0.7% pada 2007. Penurunan ini diikuti juga dengan penurunan kadar kemiskinan tegar di luar bandar iaitu daripada 2.9% kepada 1.4% dalam tempoh yang sama. Bilangan isi rumah miskin tegar luar bandar juga telah menurun dengan signifikannya iaitu daripada 53,200 isi rumah pada tahun 2004 kepada hanya 26,500 isi rumah pada tahun 2007.

Untuk makluman Yang Berhormat, secara umumnya negeri-negeri yang mempunyai kadar kemiskinan tegar di luar bandar yang tinggi seperti di Sabah dan Terengganu telah mencatatkan kesan penurunan yang positif. Kadar

kemiskinan tegar luar bandar Sabah telah menurun daripada 6.9% pada tahun 2004 kepada 3.8% pada 2007. Manakala negeri Terengganu mencatatkan penurunan daripada 4.4% kepada 0.8% dalam tempoh yang sama.

Dalam usaha mensifarkan kadar kemiskinan tegar di luar bandar menjelang 2010, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah(KKLW) menumpukan kepada tiga (3) komponen utama iaitu peningkatan pendapatan, pembanguanan modal insan dan peningkatan taraf hidup kumpulan miskin tegar. Ianya dilaksanakan melalui tiga (3) program utama iaitu Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya(PLKK) dan Program Bantuan Rumah (PBR). Selain daripada itu, bagi mempercepatkan lagi pencapaian sasaran yang ditetapkan, Kementerian telah melaksanakan Program Lonjakan Mega Luar Bandar yang berkonsepkan Agropolitan.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATUK IBRAHIM ALI (PASIR MAS)**
TARIKH : **5 MAC 2009 (KHAMIS)**
SOALAN : minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan secara terperinci program-program pertanian yang telah dilaksanakan dan hasilnya setakat ini dan program dalam perancangan untuk tahun 2009 dan 2010 di kawasan Parlimen Pasir Mas dan apakah Menteri sedar masih banyak tanah-tanah terbiar yang belum diusahakan.

JAWAPAN

Program dan projek-projek Jabatan Pertanian yang dilaksanakan dalam kawasan Parlimen Pasir Mas yang mendapat peruntukan bagi tahun 2008 ialah seperti berikut :-

Program Pembangunan Industri Buah-buahan dan Sayur-sayuran melalui projek kelompok

Peruntukan yang diperolehi untuk melaksanakan projek ini ialah RM84,000.00. Kawasan yang telah dilaksanakan projek ialah Sg. Parit, Rong Chenok, Slow Kulim dan Kg. Paloh. Jumlah keluasan terlibat ialah 30 hektar dengan bilangan petani seramai 40 orang dan nilai pengeluaran hasil ialah RM960,000.00.

i. Program Industri Asas Tani (IAT)

Bagi tahun 2008, program ini mendapat peruntukan daripada Jabatan Pertanian dan juga peruntukan khas daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui program Meningkatkan Pendapatan Petani, Penternak dan Nelayan (MPPPN). Bilangan Peserta yang memperolehi manfaat bagi program ini ialah 52 orang. Nilai peruntukan yang telah diagihkan kepada peserta ialah RM494,500.00. Peruntukan ini digunakan

untuk membeli peralatan memproses makanan, membaik pulih premis pengeluaran makanan dan industri berasaskan pertanian. Nilai pengeluaran bagi tahun 2008 ialah RM1,248,000.00.

ii. Bayaran Insentif Pengeluaran hasil Buah-buahan dan sayur-sayuran (Dasar Jaminan Bekalan Makanan)

Bayaran dibuat pada kadar RM78/mt bagi buah-buahan dan RM81/mt bagi sayur-sayuran yang dijual oleh petani. Pembayaran insentif ini bagi Parlimen Pasir Mas daripada bulan Jun hingga Disember 2008 ialah sebanyak RM135,600.00 dengan pengeluaran hasil yang dijual sebanyak 1,687 mt yang melibatkan 176 orang petani. Bilangan petani yang paling ramai mendapat manfaat dibawah program ini ialah daripada kawasan DUN Chetok.

iii. Bumi Hijau (Dasar Jaminan Bekalan Makanan)

Bagi Parlimen Pasir Mas, bilangan peserta yang diedarkan kit Bumi Hijau ialah seramai 630 orang, manakala bilangan petak komuniti ialah 12 petak yang melibatkan 96 peserta.

iv. Program Pengembangan

Sepanjang tahun 2008, bilangan petani yang telah terlibat dengan latihan, gotong royong, majlis penerangan dan lawatan belajar dalam Parlimen Pasir Mas ialah seramai 652 orang.

Program-Program yang dirancang sepanjang tahun 2009 untuk dilaksanakan di Parlimen Pasir Mas adalah seperti berikut:-

i. Program Industri Buah-Buahan dan Sayur-sayuran

Sebanyak RM63,700.00 telah disediakan untuk kawasan Parlimen Pasir Mas bagi melaksanakan projek penanaman sayur dan buah yang melibatkan Kg. Perupok (Chetok), Bechah Durian, Rong Chenok dan Slow Kulim. Jumlah keluasan yang terlibat ialah 25 hektar dengan jumlah petani seramai 32 orang.

ii. Program Industri Asas Tani.

Bagi tahun 2009, Jabatan Pertanian mencadangkan untuk membantu seramai 7 orang peserta melibatkan peruntukan sebanyak RM58,100.00.

iii. Program Merata Sawah (Dasar Jaminan Pengeluaran Makanan)

Dua kawasan yang dicadangkan iaitu Bendang Kual dan Bendang Chicha Tinggi. Jumlah keluasan yang terlibat ialah 80 hektar dengan bilangan petani seramai 65 orang. Kos untuk projek ini ialah RM120,000.00.

Anggaran pengeluaran hasil padi semusim ialah 360 mt dengan nilai RM324,000.00.

iv. Bayaran Insentif Pengeluaran Tanaman Buah-buahan dan Sayur-sayuran (Dasar Jaminan Bekalan Makanan)

Pada tahun 2009 ini, dijangka pembayaran insentif bagi kawasan Parlimen Pasir Mas ialah RM250,000.00. Ianya melibatkan buah-buahan bermusim, buah-buahan tidak bermusim, sayur-sayuran dan tanaman kontan. Jumlah ini melibatkan jualan hasil sebanyak 3,125 mt.

v. Program Bumi Hijau

Pada tahun 2009, Program Bumi Hijau akan diteruskan dalam Parlimen Pasir Mas. Bilangan peserta yang akan terlibat ialah 1,000 bagi projek individu dan 12 petak komuniti.

vi. Program Pengembangan

Pada tahun 2009, bilangan petani yang dijangka untuk dilatih oleh Jabatan Pertanian ialah seramai 600 orang dalam kawasan Parlimen Pasir Mas. Ianya meliputi kursus teknikal, majlis penerangan, rotong royong di ladang dan lawatan belajar.

Program penternakan yang telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Pasir Mas dan hasilnya serta perancangan untuk tahun 2009 adalah seperti berikut:

Bil	Program	Tahun	Bil. Peserta (Orang)	Nilai Bantuan (RM)	Catatan
1.	Bumi Hijau	2008	58	23,200.00	Ayam kampung
		2009	25	10,000.00	
2.	Mempelbagai dan penambahan pendapatan petani, penternak dan nelayan	2006	8	80,000.00	
		2007	Tiada		
		2008	6	60,000.00	
3.	Program Pembangunan Industri Asas Tani	2008	1	6,630.00	Projek serunding daging

4.	Skim Insentif Ternakan	2008	34	237,005.78	
----	------------------------	------	----	------------	--

Di dalam Parlimen Pasir Mas masih terdapat tanah-tanah terbiar yang masih belum diusahakan iaitu seluas 759 hektar. Oleh yang demikian, Kementerian akan menjalankan program Pembangunan Tanah Terbiar di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar meliputi 3 kawasan iaitu:

1. Mukim Kubang Gadong (579.73 Ha)
2. Mukim Alor Pasir (22.2 Ha)
3. Mukim Bunut Susu (255.77 Ha)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' ISMAIL BIN KASIM
TARIKH : 5 MAC 2009 (KHAMIS)
SOALAN : NO. 31

Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian merancang atau telah merangka strategi untuk meningkatkan penyertaan usahawan bumiputera dalam Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan membantu IPTS-IPTS bumiputera sedia ada kerana sering terdengar sebahagian IPTS milik Bumiputera tersepit akibat kekurangan kemasukan pelajar baru.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi bagi meningkatkan penyertaan usahawan Bumiputera dalam sektor perkhidmatan pendidikan khususnya IPTS dan mengurangkan masalah kekurangan pelajar di IPTS Bumiputera termasuk:-

- i. Mewujudkan Program Collegiate Champion di mana melalui program ini, 3 *Champion* IPTS Bumiputera telah dikenalpasti iaitu Management and Science University (MSU), International University

College of Technology Twintech (IUCTT) dan Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR). Setiap *Champion* akan diberikan tanggungjawab untuk membangunkan *members* di kalangan IPTS Bumiputera yang sedia ada. Kaedah pembangunan dan pengembangan adalah dengan memberi bimbingan serta peluang kepada mereka untuk mengendalikan program-program sedia ada di bawah IPTS *Champion* melalui kaedah *franchise*.

- ii. Memberi peluang dan melantik IPTS Bumiputera untuk mengendalikan program-program pengajian sebagai Kolej Bersekutu UiTM dan membenarkan mereka menjalankan kursus-kursus IPTA secara francais.
- iii. Sebagai alternatif kepada bekalan pelajar dalam negara, Kementerian juga menggalakkan IPTS Bumiputera untuk merekrut pelajar antarabangsa.

SOALAN 32

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB Tuan Muhammad Bin Husain (Pasir Puteh)

TARIKH : 5 MAC 2009

SOALAN : YB Tuan Muhammad Bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah sumbangan yang dikumpulkan daripada rakyat Malaysia bagi disumbangkan kepada mangsa keganasan Israel di Palestin.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya memohon izin Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab secara serentak soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh tujuh orang Ahli Parlimen ini iaitu, YB Lenggong pada 23 Februari 2009, YB Pasir Puteh pada 5 Mac 2009, YB Pontian pada 10 Mac 2009, YB Batu Pahat pada 16 Mac 2009, YB Arau dan YB Lipis pada 19 Mac 2009 dan pertanyaan bukan jawab lisan oleh YB Tanah Merah, memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan menyentuh perkara yang sama, iaitu berhubung sumbangan Kerajaan dan rakyat Malaysia kepada penduduk Gaza yang menderita akibat serangan Israel.

2. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan telah mengaktifkan kembali Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin. Sumbangan-sumbangan yang disalurkan oleh orang awam ke Tabung ini di selia oleh Jawatankuasa Akuan Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri. Jawatankuasa ini akan memutuskan mengenai tatacara, mekanisme dan bentuk sumbangan yang akan disalurkan kepada rakyat Palestin. Bantuan-bantuan yang diberikan oleh Kerajaan kepada rakyat Palestin dikategorikan kepada beberapa fasa iaitu fasa semasa serangan, selepas serangan dan fasa pembangunan dan pembinaan semula Gaza.

2. Sumbangan-sumbangan yang disalurkan melalui Kementerian Luar Negeri ditadbir oleh Jawatankuasa Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri. Jawatankuasa ini akan menyalurkan semua sumbangan yang diterima kepada badan-badan yang akan dipertanggungjawabkan untuk menguruskan bantuan yang bersesuaian bergantung kepada keperluan yang dikenal pasti di Gaza.

3. Setakat 20 Februari 2009, jumlah dana yang diterima dan terkumpul di dalam Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin di Kementerian Luar adalah berjumlah RM11,466,251.89. Di samping itu, Kerajaan telah menyumbangkan US\$ 1 juta melalui MERCY Malaysia ketika permulaan serangan Israel ke atas Gaza. Bagi tabung-tabung lain yang diusulkan oleh badan-badan bukan Kerajaan, sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan tidak memiliki peruntukan undang-undang khas untuk mengawal selia perjalanan tabung-tabung berkenaan. Sehubungan itu, pemantauannya adalah terpulang kepada rang ramai yang menderma kepada tabung-tabung berkenaan. Sekiranya berlaku penyelewengan, orang ramai perlulah melaporkan perkara tersebut dan pihak berkuasa pasti akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

4. Berhubung soalan YB Lenggong, pasukan-pasukan bantuan bencana dan kemanusiaan yang telah pergi ke Gaza adalah terdiri daripada ahli-ahli pertubuhan bukan Kerajaan. Saya percaya mereka turut membawa imej Malaysia di persada bantuan kemanusiaan antarabangsa. Kerajaan juga menjalinkan kerjasama dengan NGO-NGO yang telah dan akan pergi ke Gaza bagi memastikan sumbangan-sumbangan yang akan diberi akan sampai kepada – dan dimanfaatkan oleh rakyat Palestin di Gaza.

5. Untuk pengetahuan YB Pontian, tajaan pembelajaran bagi pelajar-pelajar Palestin termasuk dalam peringkat bagi membantu pembangunan dan pembinaan semula Gaza dan akan diperhalusi apabila keadaan mengizinkan dan kembali tenang. Ianya juga terdapat dalam program besar 'New Asia-Africa Strategic Partnership' yang dikendalikan oleh Indonesia dan Afrika Selatan. Malaysia bersama-sama semua negara Asia dan Afrika turut mengeluarkan bantuan secara langsung kepada Palestin dan ini disalurkan di bawah program Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin.

6. Untuk makluman YB Batu Pahat, ekoran sidang khas Parlimen mengenai isu serangan Israel di Gaza pada 12 Januari 2009 lalu, Kerajaan telah menghantar resolusi tersebut ke negara-negara yang mempunyai Badan Perundangan. Selain itu, Kerajaan juga telah mengusahakan bagaimana Israel boleh dibawa ke Tribunal Jenayah Antarabangsa untuk dibicarakan.

7. Untuk pengetahuan YB Tanah Merah, kos-kos yang melibatkan pengurusan untuk penyaluran bantuan tersebut adalah minimum, jika ada, kerana kebanyakan kos adalah ditanggung oleh Kerajaan juga.

No: 33

LAMPIRAN H

SOALAN 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN WILLIAM @ NYALAU ANAK BADAK**
TARIKH : **5 MAC 2009**

Meminta MENTERI PELANCONGAN

menyatakan:

SOALAN : a) Kenapa tidak ada bentuk bantuan kewangan kepada rumah-rumah panjang di kawasan Lubok Antu yang terlibat dengan program homestay seperti pembinaan kemudahan infrastruktur dan membaik pulih kemudahan awam dan persekitaran rumah panjang berkenaan;
b) Bolehkah Kementerian menjelaskan bagaimana program ini benar-benar dapat memberi manfaat kepada penduduk yang terlibat.

Tuan Yang Dipertua,

Program Homestay telah diperkenalkan diperingkat Kebangsaan bermula dari tahun 1995. Sehingga Disember 2008, seramai 3,034 orang peserta Homestay telah mendaftar dengan Kementerian Pelancongan dengan penglibatan sebanyak 146 buah kampung di seluruh negara.

Kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM 40 juta bagi pembangunan infrastruktur kawasan homestay di bawah RMK-9. Peruntukan ini boleh dinikmati oleh homestay-homestay yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan. Untuk makluman, di kawasan Lubuk Antu masih lagi tiada perkampungan homestay berdaftar dengan Kementerian Pelancongan. Sehubungan itu, Kementerian Pelancongan amat mengalu-alukan permohonan pendaftaran homestay dari semua pihak.

Di negeri Sarawak terdapat 16 buah homestay dengan penglibatan seramai 172 peserta (Maklumat terperinci seperti di Lampiran 1). Daripada jumlah tersebut, 5 buah homestay adalah merupakan homestay rumah panjang yang mempunyai seramai 64 peserta. Homestay rumah panjang adalah seperti berikut:

BIL	HOMESTAY RUMAH PANJANG	BIL PESERTA
1	Kampung Annah Rais, Kuching	9
2	Kampung Benuk, Kuching	7
3	Rumah Patrick, Sg Tanggap, Miri	19
4	Rumah Lulut Sg Tisa, Kapit	7
5	Kampung Islam Belimbing, Padawan	22
	JUMLAH	64

Antara galakan lain yang diberi kepada masyarakat setempat untuk melibatkan diri dalam program ini ialah dengan menyediakan bantuan kerajaan untuk menaik taraf infrastruktur asas dan bilik mandi serta tandas individu yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan.

Kementerian ini juga telah mengemukakan surat kepada semua Ahli Parliman dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) seluruh negara untuk mengenalpasti sekiranya ada kemudahan-kemudahan pelancongan lain yang perlu dinaik taraf di kawasan Homestay mereka. Adalah dicadangkan sebanyak RM200 ribu bagi kawasan Parlimen dan RM50 ribu bagi DUN untuk tujuan berkenaan. Semua permohonan hendaklah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian dan kawasan Homestay yang hendak dipohon mestilah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan.

Bilangan pelancong yang menggunakan pakej Homestay seluruh negara bagi tempoh Januari – Disember 2008 adalah 91,533 orang pelancong. Daripada jumlah tersebut, seramai 68,416 orang merupakan pelancong tempatan dan 23,117 adalah jumlah pelancong luar negara. Daripada jumlah ini, Sarawak mencatatkan jumlah kedatangan pelancong sebanyak 8,235 (domestik) dan 2,245 (luar Negara) dengan jumlah keseluruhan seramai 10,480 pelancong. Jumlah ini telah menyumbang sejumlah RM413,823.33 pendapatan sepanjang tahun 2008 bagi negeri Sarawak. Jumlah pendapatan program Homestay seluruh Negara yang telah diterima bagi tempoh Januari – Disember 2008 adalah RM 6,393,676.63.

Tuan Yang Dipertua,

Program Homestay berpotensi dalam menyumbang ke arah pembangunan ekonomi penduduk setempat. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pelancongan Malaysia melalui Majlis Tindakan Pelancongan Negeri sentiasa berusaha mencari perkampungan dan kawasan baru yang bersesuaian untuk dijadikan Homestay.

Antara manfaat yang boleh dinikmati oleh penduduk setempat adalah dari segi ekonomi dan juga pembangunan infrastruktur di perkampungan mereka. Kerajaan telah memperuntukan sejumlah RM40 juta bagi pembangunan infrastruktur asas di perkampungan homestay berdaftar. Jumlah ini juga merangkumi bantuan untuk kegunaan awam dan juga naik taraf di bilik mandi dan tandas di rumah pengusaha homestay dengan siling peruntukan sebanyak RM 5000.00 bagi sebuah rumah. Bagi Homestay di Sarawak sejumlah RM 810 ribu telah diluluskan untuk projek naik-taraf bilik mandi dan tandas tersebut.

Kementerian ini juga telah mengemukakan surat kepada semua Ahli Parliman dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) seluruh negara untuk mengenalpasti sekiranya ada kemudahan-kemudahan pelancongan lain yang perlu dinaik taraf di kawasan Homestay mereka. Adalah dicadangkan sebanyak RM200 ribu bagi kawasan Parlimen dan RM50 ribu bagi DUN untuk tujuan berkenaan. Semua permohonan hendaklah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian dan kawasan Homestay yang hendak dipohon mestilah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan.

Dengan wujudnya homestay, penduduk kampung dapat bekerjasama dan mengeratkan hubungan antara mereka melalui aktiviti yang telah dirancang di samping memberi pendapatan - sampingan bagi meningkatkan ekonomi keluarga. Melalui lawatan dan kunjungan pelancong dalam dan luar Negara, budaya masyarakat setempat dapat diketengahkan dan akan berlaku pertukaran budaya antara kaum.

Program homestay sememangnya mempunyai potensi yang tinggi untuk dimajukan bagi membantu masyarakat luar bandar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH
(KELANA JAYA)**

TARIKH : 5 MAC 2009

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan halangan yang dihadapi oleh Ahli SPR dan JPN sehingga masih belum dapat menyelesaikan status 11,842 pemilih (yang tercatat dalam daftar pemilih SPR 2004) yang menggunakan kad pengenalan lama. Sila nyatakan juga tarikh akhir bagi siasatan ini diberikan kepada pihak- pihak tersebut

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia telah bertindak dengan memanjangkan 11,842 rekod nombor kad pengenalan lama pemilih yang tidak mempunyai nombor kad pengenalan baru atau nombor kad pengenalan 12 angka ini kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk disiasat. Daripada 11,842 rekod nombor kad pengenalan lama, didapati terdapat sebanyak 212 rekod nombor kad pengenalan lama yang rekodnya aktif di JPN. Buat masa kini, seramai 206 telah pun dimasukkan semula ke dalam daftar pemilih manakala 6 lagi telah dikeluarkan di atas alasan hilang layak sebagai pemilih.

Baki sebanyak 11,630 lagi telah diputuskan oleh SPR supaya dikeluarkan dari dalam daftar pemilih kerana tiada rekod di JPN. Walau bagaimanapun, SPR akan menyemak dan mengemas kini rekod pemilih ini dari semasa ke semasa bagi memastikan daftar pemilih yang digunakan adalah bersih dan kemas kini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN
KITINGAN
TARIKH : 5 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta PERDANA MENTERI menyatakan kedudukan terkini berkenaan peruntukan untuk Pelan Pembangunan Sabah (SDC) dan bolehkah pengagihan peruntukan itu diagihkan segera.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon menjawab soalan ini bersama-sama dengan 2 lagi soalan mengenai perkara yang sama bagi Koridor Pertumbuhan Sabah ini iaitu:

- i. soalan oleh **Y.B. Tuan Raime Bin Unggi [Tenom]** pada 12 Mac 2009; dan
- ii. soalan oleh **Y.B. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]** pada 18 Mac 2009.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada RM10 bilion yang disediakan untuk kesemua lima koridor dalam tempoh Kajian Separuh Penggal RMKe-9 (KSP RMKe-9), sejumlah **RM2.376 bilion** diperuntukkan kepada Koridor Pembangunan Sabah atau

SDC. Setakat ini, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan sebanyak **RM559.96** juta daripada peruntukan keseluruhan tahun 2009 sebanyak RM1.374 bilion kepada Kerajaan Negeri bagi memulakan beberapa projek SDC. Oleh itu, dari segi pelaksanaan, Kerajaan Negeri akan memainkan peranan penting dalam memastikan setiap projek SDC dilaksanakan segera.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut maklumbalas daripada Kerajaan Negeri Sabah, dari segi status pelaksanaan projek-projek **SDC**, pihak Kerajaan Negeri telah memulakan kerja-kerja awalan bagi **15 projek** atau sebanyak 27.7% daripada **54 projek** yang diperakukan di bawah KSP RMKe-9. Memandangkan pihak berkuasa koridor bagi SDC iaitu *Sabah Economic and Investment Authority (SEDIA)* belum beroperasi sepenuhnya kerana baharu sahaja diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sabah pada 15 Januari 2009 lalu, maka buat masa sekarang, pihak UPEN Sabah telah bertindak sebagai penyelaras sementara kepada pelaksanaan semua program dan projek SDC. Dalam hal ini, pihak UPEN Sabah akan terus memberi perhatian khusus dan komited untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek SDC yang telah dimulakan sementara menunggu usaha penubuhan SEDIA secara rasmi supaya SEDIA dapat beroperasi secepat yang mungkin. Ini kerana pada tahun 2009, lebih banyak program dan projek SDC perlu dilaksanakan mengikut jadual bagi memastikan faedah daripada pelaksanaannya boleh diterima oleh rakyat Sabah dengan lebih berkesan terutamanya dari segi penyediaan lebih banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan kualiti hidup rakyat Sabah.

SOALAN NO: 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK
(RASA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 05.03.2009

Tuan Loke Siew Fook (Rasah) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah bentuk perbelanjaan yang ditakrifkan sebagai perbelanjaan-perbelanjaan lain, dalam anggaran perbelanjaan mengurus 2009 yang bernilai RM1,007 juta dan nyatakan 10 item perbelanjaan terbesar serta nilainya yang digolongkan dalam kategori ini untuk tahun 2009.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Perbelanjaan-perbelanjaan Lain adalah bertujuan merekodkan perbelanjaan yang tidak dapat dijeniskan di bawah Objek Am Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan serta Aset. Ianya termasuk, di antaranya perbelanjaan Pulangan Balik, Hapus kira, Yuran, Cukai, Premium Insuran dan Komisyen Bank.

Pada tahun 2009, sebanyak RM1,007.5 juta diperuntukkan di bawah kod Perbelanjaan-perbelanjaan Lain. 10 item perbelanjaan terbesar ialah :

- i. Penyelarasan Akaun Bahagian Pinjaman Perumahan - RM540 juta;
- ii. Bayaran balik cukai di bawah Akta Kastam 1967 - RM230 juta;
- iii. Bayaran cukai tanah tahunan - RM102.6 juta;
- iv. Hapus kira pinjaman - RM75 juta;
- v. Bayaran balik jumlah terlebih bayar/tersilap pungut - RM40 juta;
- vi. Bayaran pendahuluan bagi kehilangan barang atau wang Kerajaan - RM2 juta;
- vii. Bayaran balik cukai jalan - RM2 juta;
- viii. Premium insurans kereta rasmi/pejabat di perwakilan luar negara dan Ibu Pejabat, Kementerian Luar Negeri – RM2 juta;
- ix. Bayaran yuran pertubuhan-pertubuhan antarabangsa berkaitan dengan pelancongan – RM1.4 juta; dan
- x. Bayaran balik wang tak tuntutan dari hasil - RM1 juta.

NW: 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN [37]

DARIPADA : TUAN RAIME BIN UNGGI (TENOM)

TARIKH : 5 MAC 2009

SOALAN : Tuan Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah peranan yang telah diambil Majlis Dasar Luar Negara terutama selaku jurucakap atau pelobi dalam sesuatu gagasan di forum dunia, sambil mempertingkatkan hubungan di kalangan anggota negara-negara antarabangsa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, Kementerian Luar Negeri sedang dalam proses menubuhkan Majlis Hubungan Luar Negara ini dan dijangkakan akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Rangka Majlis tersebut akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan sebelum ianya ditubuhkan.

Maklumat tambahan

Pada masa ini, Kementerian Luar Negeri sedang menyediakan kertas kerja konsep Majlis tersebut termasuklah fungsi, struktur dan keahliannya. Adalah dicadangkan Majlis ini dinamakan "Council of International Relations".

Seperti yang diarahkan oleh Jemaah Menteri, Majlis ini dibentuk sebagai entiti yang akan :

- (1) berperanan untuk memberi pandangan dalam merangka dasar-dasar luar negara, manakala Kementerian Luar Negeri

masih memainkan peranan utama dalam menentukan dan melaksanakan aspek diplomasi, dasar-dasar serta hubungan luar negara; dan

- (2) memainkan peranan untuk meningkatkan kefahaman mengenai dunia melalui perbincangan, perdebatan dan penyelidikan terutamanya dalam forum-forum yang diadakan di dalam atau luar negara.

Satu Jawatankuasa Protem juga akan ditubuhkan dalam masa terdekat ini untuk menghalusi butir-butir terperinci Majlis tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN AMRAN BIN AB GHANI
(TANAH MERAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 05.03.2009

Tuan Amran bin Ab Ghani menyatakan:

- (a) berapakah jumlah MLM di Internet yang diluluskan dan diharamkan serta langkah-langkah Kerajaan dalam menangani isu skim cepat kaya; dan
- (b) apakah hukuman yang dikenakan kepada ahli lembaga pengarah koperasi TAQWA yang di tubuh menjalankan skim cepat kaya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak meluluskan syarikat yang ingin menjalankan perniagaan melalui internet. Kerajaan hanya memberi kelulusan kepada syarikat yang ingin menjalankan perniagaan melalui konsep jualan langsung. Kaedah yang digunakan sama ada melalui internet atau tidak adalah bergantung kepada inisiatif

syarikat itu sendiri. Dalam tahun 2008, Kerajaan telah meluluskan 17 lesen syarikat jualan langsung yang menjalankan pelan pemasaran berbentuk berbilang tingkat (*multilevel*) manakala sebanyak 30 syarikat telah diluluskan dalam tahun 2007.

2. Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah dalam mengatasi atau membanteras gejala skim cepat kaya, di antaranya seperti berikut:

- i. Majlis Fatwa Kebangsaan telah pun mengeluarkan fatwa adalah haram bagi seseorang itu menyertai pelaburan internet;
- ii. Jabatan Perkhidmatan Awam juga telah mengeluarkan larangan penglibatan pegawai awam dalam skim cepat kaya melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2009;
- iii. Kerajaan juga dalam proses meminda Akta Jualan Langsung 1993 dengan memasukkan beberapa peruntukan yang melarang dan menjadi satu kesalahan bagi mana-mana orang yang mempromosi skim cepat kaya/skim piramid.

3. Selain itu, Bank Negara Malaysia sentiasa memantau secara berterusan sama ada secara risikan dan/atau penerimaan aduan dari orang ramai mengenai skim cepat kaya. Orang awam boleh membuat aduan mahupun menyalurkan sebarang maklumat berkaitan skim cepat kaya di perkhidmatan Laman Informasi Nasihat & Khidmat (LINK) dan

TELELINK(1300 88 5465). Bank Negara Malaysia telah menguatkuasakan peruntukan undang-undang sedia ada dengan mengadakan operasi penggeledahan dan serbuan dan seterusnya mendakwa mereka yang terbabit dengan skim cepat kaya ke Mahkamah. Penekanan juga diberikan dalam penguatkuasaan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram & Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 yang memberi kuasa kepada agensi penguatkuasaan untuk membeku, menyita serta melucuthakkan segala harta dan simpanan yang dikumpulkan hasil daripada kegiatan skim cepat kaya ini. Oleh itu, Bank Negara Malaysia telah bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan yang lain termasuk Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, bagi tujuan pemantauan dan perisikan serta dalam operasi penggeledahan dan serbuan untuk membanteras skim cepat kaya. Di samping itu, Bank Negara Malaysia turut mengadakan program kesedaran pengguna terhadap skim cepat kaya.

4. Berdasarkan kepada pemeriksaan yang dijalankan di bawah peruntukan Akta Koperasi 1993, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah memutuskan untuk memecat Ahli Lembaga Pengarah Koperasi TAQWA. Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah mengeluarkan surat pertuduhan untuk memecat Anggota Lembaga Koperasi TAQWA di bawah Seksyen 69(1)(3) Akta Koperasi 1993. Pada masa ini, Suruhanjaya Koperasi Malaysia sedang meneliti representasi bertulis mereka bagi menentukan sama ada tindakan pemecatan terhadap mereka itu wajar diteruskan.

NO: 39

LAMPIRAN I

SOALAN 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL
TARIKH : 5 MAC 2009

**Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

SOALAN : Apakah perancangan jangka panjang dalam memastikan industri pelancongan Wilayah Persekutuan Labuan terus dapat dimajukan. Ini adalah juga memandangkan hanya satu daripada pulau di Labuan dimiliki oleh Kerajaan, selain dimiliki oleh individu.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pelancongan telah merancang pelbagai program dan aktiviti dalam memajukan industri pelancongan Wilayah

Persekutuan Labuan yang mempunyai daya tarikan pelancong yang tersendiri. Malah kedudukannya sebagai kawasan bebas cukai merupakan salah satu tarikan tersebut. Antara program yang telah dirancang adalah projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan dan Eko Pelancongan. Untuk Rancangan Malaysia Kesembilan bagi Labuan, terdapat 4 projek berkenaan yang sedang dalam pelaksanaan. Keseluruhan nilai projek berkenaan adalah RM5.14 juta. Malah, projek-projek berkenaan tidak termasuk peruntukan di bawah projek Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan bernilai RM1.5 juta dan Menaiktaraf Homestay bernilai RM1.97 juta.

Selain itu, Program Homestay Kebangsaan yang merupakan produk pelancongan yang kian mendapat tempat dikalangan pelancong domestik dan juga luar Negara. Di Wilayah Persekutuan Labuan terdapat 3 buah homestay berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan dan melibatkan seramai 65 peserta. Untuk menggalakkan lebih ramai penyertaan daripada masyarakat setempat untuk melibatkan diri dalam program ini ialah dengan menyediakan bantuan kerajaan untuk menaik taraf infrastruktur asas dan bilik mandi serta tandas individu yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan.

Untuk makluman jua, Kementerian Pelancongan bercadang memperuntukkan sebanyak RM200 ribu bagi kawasan Parlimen dan RM50 ribu bagi DUN untuk menaiktaraf Homestay yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan di kawasan mereka. Sehubungan itu, Kementerian Pelancongan amat mengalu-alaukan

penglibatan dan permohonan pendaftaran -homestay bagi perkampungan yang menarik di Labuan.

Di samping itu, Kementerian Pelancongan melalui Majlis Tindakan Pelancongan Labuan (MTPL) telah menyusun pelbagai aktiviti bagi menarik kedatangan pelancong domestik dan luar negara ke Pulau Labuan. Bagi tahun 2009, acara-acara yang akan berlangsung di Labuan adalah seperti *Labuan International Sea Complex (LISC)* yang bertaraf antarabangsa. Selain itu, aktiviti-aktiviti lain yang akan dijalankan adalah Sambutan Jubli Perak Wilayah Persekutuan Labuan, Sambutan Hari Wilayah Persekutuan, *Borneo International Yachting Challenge (BIYC '09)*, Bazar Ramadhan dan lain-lain. Program dan acara ini telah dilaksanakan secara berkala memandangkan sambutan para pelancong dan orang ramai adalah amat menggalakkan.

Oleh yang demikian Kementerian Pelancongan berharap pelbagai jenis program yang telah dan bakal dilaksanakan dapat mempopularkan Labuan sebagai destinasi pilihan pelancong dan memberi kesan positif terhadap ekonomi Negara secara menyeluruh.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BT MOHD YUSOFF (RANTAU PANJANG)

TARIKH : 5 MAC 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B Puan Siti Zailah Bt Mohd Yusoff (Rantau Panjang) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah kes permohonan bantuan yang ditolak oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan apakah alasan penolakan tersebut dan apakah bentuk usaha yang dibuat bagi mengatasi masalah tersebut, mengikut kategori permohonan dan negeri bermula dari tahun 2000.

Jawapan ini telah diluluskan oleh Y. Bhg. Datuk KSU. Segala pindaan perlu dirujuk semula kepada pihak Urusetia bagi memastikan kesahihan maklumat.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia bukanlah sebuah negara kebajikan yang menyediakan bantuan kebajikan kepada sesiapa sahaja yang memohon. Sebaliknya bantuan kebajikan yang disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberikan pelbagai skim bantuan kepada golongan yang tidak berkemampuan dan berkeperluan. Sehingga September 2008, terdapat seramai 168,794 penerima bantuan kebajikan di seluruh negeri.

Jumlah permohonan untuk mendapatkan bantuan yang ditolak oleh JKJ bagi tahun 2006 hingga 2008 adalah sebanyak 32,308 dari jumlah permohonan baru yang diterima sebanyak 93,313. Jumlah permohonan bantuan yang ditolak mengikut negeri adalah seperti berikut:

Jawapan ini telah diluluskan oleh Y. Bhg. Datuk KSU. Segala pindaan perlu dirujuk semula kepada pihak Urusetia bagi memastikan kesahihan maklumat.

BIL	NEGERI	2006	2007	2008	JUMLAH
1	SARAWAK	809	21	283	1,113
2	TERENGGANU	592	1,786	381	2,759
3	JOHOR	16	21	71	108
4	PAHANG	319	150	397	866
5	WP LABUAN	-	-	21	21
6	WP KUALA LUMPUR	1,749	132	330	2,211
7	KEDAH	1,236	1,016	212	2,464
8	MELAKA	1,676	1,272	18	2,966
9	KELANTAN	1,588	109	32	1,729
10	NEGERI SEMBILAN	18	49	245	312
11	PERLIS	8,109	2,166	103	10,378
12	PULAU PINANG	960	1,026	339	2,325
13	PERAK	635	37	1,446	2,118
14	SELANGOR	25	1,109	1,804	2,938
		17,732	8,894	5,682	32,308

(Maklumat hanya dapat diberi bagi tempoh tiga tahun sahaja)

Kesemua permohonan baru yang diterima JKM dijalankan siasatan dan penilaian terlebih dahulu dan permohonan bantuan yang ditolak adalah berdasarkan alasan-alasan berikut:

- i. Pemohon bukan warganegara Malaysia dan tidak bermastautin di Malaysia;
- ii. Pendapatan isirumah pemohon melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu RM720 bagi Semenanjung

Jawapan ini telah diluluskan oleh Y. Bhg. Datuk KSU. Segala pindaan perlu dirujuk semula kepada pihak Urusetia bagi memastikan kesahihan maklumat.

Malaysia, RM960 bagi Negeri Sabah dan RM830 bagi Negeri Sarawak. Sebelum 1 September 2008, PGK yang digunakan oleh JKM di seluruh Malaysia ialah RM420;

- iii. Pemohon merupakan seorang yang produktif dan mampu berdikari ; dan
- iv. Pemohon memiliki kemudahan-kemudahan asas yang menunjukkan keadaan hidup yang selesa seperti rumah kediaman yang besar dan selesa, peralatan perabot yang lengkap dan moden, mempunyai kenderaan dan sebagainya termasuk mempunyai anak-anak yang berjaya.

Bagi pemohon-pemohon yang tidak layak dipertimbangkan bantuan kebajikan, JKM akan merujuk permohonan tersebut kepada agensi-agensinya Kerajaan yang berkaitan yang turut menyediakan skim bantuan kewangan seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pelajaran, Pusat Zakat Negeri dan sebagainya.

Jawapan ini telah diluluskan oleh Y. Bhg. Datuk KSU. Segala pindaan perlu dirujuk semula kepada pihak Urusetia bagi memastikan kesahihan maklumat.

NO: 41

LAMPIRAN J

SOALAN 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' LILAH BIN YASIN

TARIKH : 5 MAC 2009

Meminta MENTERI PELANCONGAN

menyatakan:

SOALAN : Bolehkah Kementerian menyediakan peruntukan membina chalet di kawasan Perkampungan Homestay bagi menampung keperluan tempat tinggal urusetia dan pengusaha-pengusaha pelancongan.

Tuan Yang Dipertua,

Homestay merupakan satu bentuk kemudahan tempat tinggal di mana pelancong akan dapat tinggal bersama keluarga tuan rumah yang dipilih dan berpeluang untuk berinteraksi serta mengalami cara hidup seharian keluarga berkenaan dan kebudayaan Malaysia secara langsung.

Bantuan dan peruntukan hanya diberi kepada homestay berdaftar dan ianya tertakluk kepada garis panduan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan iaitu pembangunan infrastruktur asas untuk kegunaan awam. Bantuan juga diberikan kepada pengusaha homestay berdaftar untuk menaik taraf kemudahan bilik mandi serta tandas jika kemudahan tersebut didapati uzur serta tidak dapat memberikan keselesaan kepada pelancong.

Pembinaan chalet di kawasan perkampungan homestay tidak termasuk dalam garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan. Jika chalet dibina di kawasan perkampungan homestay ianya akan menggugat prestasi kedatangan pelancong ke rumah homestay sedia ada dan tidak membantu untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar dan memupuk budaya usahawan dikalangan peserta. Oleh itu bantuan / peruntukan bagi membina chalet di dalam kampung homestay tidak disediakan oleh Kementerian Pelancongan.

Walau bagaimanapun di masa hadapan Kementerian Pelancongan akan mewujudkan "Kampung stay" di mana chalet-chalet akan dibenarkan dibina di dalam kawasan perkampungan homestay jika didapati rumah-rumah homestay sedia ada tidak dapat menampung jumlah pelancong yang datang serta ada permintaan di kalangan pelancong yang ingin tinggal berasingan, tetapi di dalam suasana kampung.

SOALAN NO : 52 (42)

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN JAWAB LISAN

TARIKH:05.03.2009

SOALAN: TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM (KUALA KEDAH) minta PERDANA MENTERI menyatakan agensi yang menguatkuasakan undang-undang dan keselamatan para nelayan di laut serta bentuk kerjasama dengan agensi keselamatan lain di perairan Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, agensi Kerajaan yang terlibat ke atas keselamatan semua pengguna perairan Zon Maritim Malaysia (ZMM) termasuklah nelayan adalah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), PDRM (Pasukan Gerakan Marin), Tentera Laut Diraja Malaysia,

Jabatan Perikanan Malaysia dan Kastam Diraja Malaysia. Lazimnya operasi akan melibatkan vesel rondaan dan juga pesawat udara.

Kerjasama dengan agensi-agensi ini adalah dengan penglibatan secara langsung dalam operasi bersama seperti OPS SAMUDERA GAGAH yang dikoordinasikan oleh Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim (PPPM), sejumlah 4 kali setahun. Operasi Khas juga akan dilaksanakan bila perlu. Disamping itu kerjasama menyalur dan pertukaran maklumat sering dilakukan di peringkat operasi antara Agensi untuk tindakan yang lebih berkesan.

APMM telah meningkatkan operasinya di perairan Maritim Malaysia sesuai dengan kemampuan aset-aset yang beroperasi di perairan negara bagi mengawasi kehadiran bot-bot yang menceroboh serta melakukan tangkapan kepada mereka yang didapati bersalah melanggar undang-undang Malaysia. Bagi meningkatkan keberkesanan operasi semasa, APMM juga berusaha melaksanakan operasi bersepadu dan mendapatkan maklumat pengawasan udara dari TUDM khasnya dan Angkatan Tentera Malaysia amnya.

-----XXX-----

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN
OSMAN
(LIPIS)**

TARIKH : 05.03.2009

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan sejauh manakah langkah Kementerian terhadap tindakan Kerajaan negeri Perak ekoran mengarahkan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) mengosongkan 700 premis tadika agar pembelajaran hampir 11,000 murid di negeri berkenaan tidak terjejas.

JAWAPAN:

Pihak Kementerian telah mengarahkan kepada KEMAS untuk terus menggunakan TABIKA kerana bangunan dan kemudahan yang dibina, daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian semua TABIKA KEMAS dikehendaki untuk terus beroperasi di premis yang dibina untuk menyediakan kemudahan pembelajaran kepada kanak-kanak masyarakat luar bandar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PERMATANG PAUH]
TARIKH : 5 MAC 2009
RUJUKAN : 1557

SOALAN :

Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perincian peningkatan kadar jenayah di seluruh negara dan perbandingannya dengan kadar penyelesaian kes mengikut kategori setiap tahun dalam tempoh tahun 2004-2009 serta pecahannya bagi setiap negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, di antara faktor-faktor yang dikenalpasti menyumbang kepada peningkatan jenayah di negara ini ialah pertambahan penduduk yang tinggi di mana secara purata, pertambahan penduduk di Malaysia dianggarkan sebanyak 500,000 orang setahun. Faktor ini turut menyumbang kepada masalah sosial dan kadar peningkatan jenayah. Selain itu, tahap kesedaran, keprihatinan serta pengetahuan rakyat mengenai hak-hak mereka untuk melaporkan kepada pihak polis sekiranya berlaku jenayah terhadap diri atau di kawasan mereka turut menyebabkan jumlah report menjadi meningkat. Pihak polis mengalu-alukan mana-mana pihak yang menjadi mangsa perlakuan jenayah untuk tampil membuat laporan polis. Selain itu, faktor kepesatan pembangunan dan penduduk di Malaysia menyebabkan kekuatan pasukan polis tidak seimbang. Bagi menyelesaikan masalah tersebut, Kerajaan telah meluluskan penambahan keanggotaan sebanyak 60,000 orang yang dijangka akan dicapai menjelang tahun 2011 atau 2112.

Tuan Yang Dipertua,

Secara keseluruhannya, bagi tahun 2005 sebanyak 157,365 kes telah dilaporkan berbanding 156,363 kes dilaporkan pada tahun 2004. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 1,002 kes atau 0.64%. Kadar penyelesaian kes pula ialah sebanyak 72,633 kes atau 46.45% pada tahun 2004 dan sebanyak 76,209 kes atau 48.43% kes pada tahun 2005. Jumlah Jenayah Indeks yang dilaporkan pada tahun 2006 ialah sebanyak 196,780 kes berbanding tahun 2005 sebanyak 157,365 kes. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 39,415 kes atau 25.05%. Kadar penyelesaian jenayah bagi tahun 2006 ialah sebanyak 64,016 kes atau 32.53%. Bagi tahun 2007 pula, Jenayah Indeks yang dilaporkan ialah sebanyak 209,559 kes. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 12,779 kes atau 6.49% berbanding Jenayah Indeks tahun 2006. Bagi tahun 2008, sebanyak 211,645 kes Jenayah Indeks dilaporkan. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 2,086 kes atau 1% lebih tinggi berbanding Jenayah Indeks tahun 2007. Kadar penyelesaian kes bagi tahun 2008 ialah sebanyak 93,341 kes atau 44.15%. Bagi bulan Januari tahun 2009, jumlah Jenayah Indeks yang dilaporkan ialah sebanyak 17,997 kes. Jumlah tersebut adalah jauh lebih rendah berbanding tahun tempoh bulan Januari tahun 2008 iaitu 19,388 kes. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 1,391 kes atau 7.17%. Kadar penyelesaian kes yang dicatatkan ialah 7,501 kes atau 41.68%.

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai langkah proaktif, PDRM kini sedang berusaha untuk membangunkan projek Central Intelligence Unit (CIU) yang bakal berfungsi sebagai gerbang maklumat bagi memantapkan mutu penyiasatan serta risikan. Ini bersesuaian dengan perkembangan trend dan modus operandi jenayah yang semakin kompleks dan sophisticated. Projek ini telah diluluskan di bawah PS5T (Pelan Strategik 5 Tahun) yang diberi nama e-Police Solution dan masih menunggu peringkat pelaksanaan.

NW: 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' RAZALI BIN HAJI IBRAHIM
[MUAR]
TARIKH JAWAPAN : 05 MAC 2009 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT
SOALAN : NO. 45

SOALAN

Dato' Razali Bin Haji Ibrahim minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sejak TNB menaikkan tarif elektrik pada pertengahan 2008 susulan kenaikan harga minyak dunia yang merupakan sebahagian kos operasi, apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengurangkan beban masyarakat seperti diskaun atau menurunkan tarif elektrik memandangkan penurunan harga minyak hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Dengan mengambil kira suasana kelembapan ekonomi dunia pada masa ini serta penurunan dalam harga minyak mentah yang telah membawa kepada penurunan harga gas, Kerajaan telah mengumumkan tarif elektrik yang baru pada 11 Februari 2009 dengan penurunan purata tarif elektrik sebanyak 3.7 peratus daripada 32.5 sen/kWj kepada 31.31 sen/kWj berkuat kuasa mulai 1 Mac

2009. Sungguhpun Kerajaan telah memutuskan untuk mengkaji semula tarif elektrik pada 1 Julai 2009 semasa penyelarasan tarif elektrik dibuat pada bulan Julai 2008, Kerajaan bersetuju supaya penurunan tarif elektrik dipercepatkan dan dikuatkuasakan pada 1 Mac 2009, iaitu 4 bulan lebih awal daripada yang dijadualkan. Ini menunjukkan keprihatinan pihak Kerajaan dalam membantu meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat termasuklah pihak

industri dalam menghadapi keadaan kemelesetan ekonomi pada masa kini.

Melalui kadar tarif elektrik yang baru tersebut, pengguna-pengguna domestik akan mengalami penurunan tarif elektrik secara purata sebanyak 2.54% manakala pengguna-pengguna komersil sebanyak 2.7%.

Bagi pengguna-pengguna industri pula, yang mengalami kesan paling ketara disebabkan krisis ekonomi ini, purata tarif elektrik diturunkan sebanyak 5%. Di samping itu, pengguna-pengguna industri yang layak juga, akan terus menikmati Tarif Khas Industri atau *Special Industrial Tariff (SIT)*, dengan izin. Langkah Kerajaan untuk menurunkan tarif elektrik yang dilaksanakan serentak dengan penurunan harga gas kepada sektor industri, akan memberikan kesan yang besar dalam usaha pihak industri untuk menurunkan kos operasi mereka dalam waktu yang sukar ini. Melalui langkah-langkah ini, Kerajaan berharap ia akan dapat membantu meringankan beban sektor industri dalam menghadapi kesan kegawatan ekonomi pada masa kini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
[BACHOK]
TARIKH : 5 MAC 2009
SOALAN :

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kos membangun dan menyelenggarakan sistem seperti TPC (*Tele-primary Care*) di setiap klinik kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Tele-primary Care (TPC) adalah satu sistem *enterprise* yang menghubungkan klinik kesihatan, klinik Pakar di hospital, Pejabat Kesihatan Daerah dan Ibupejabat Kementerian Kesihatan. Ia sedang dilaksanakan di negeri Johor, Sarawak, Perlis, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Komponen utama TPC terdiri daripada pengurusan pesakit yang melibatkan pengurusan klinikal dan perkhidmatan sokongan seperti makmal, radiologi dan farmasi, pengawasan penyakit dan pengurusan wabak. Ia mula digunakan

pada tahun 2005 dan sehingga Disember 2008, sebanyak 72 klinik kesihatan, 4 hospital dan 10 daerah telah di hubungkan.

Teleprimary Care memerlukan komponen perkakasan dan rangkaian yang merangkumi komputer, *server*, *local area network* (LAN) dan *wide area network* (WAN) dan aplikasi yang merangkumi TPC *clinical information system* (CIS). Klinik Kesihatan terdiri dari pelbagai saiz dan bentuk, dan kedatangan pesakit di antara 50 hingga 1,200 orang sehari. Anggaran kos permulaan bagi sebuah klinik kesihatan ialah antara RM500,000 hingga RM800,000.

Perbagai faedah dapat diperolehi dari TPC sama ada bagi pengguna (anggota kesihatan) atau pun pelanggan. Di antaranya :

- i. Pendaftaran pantas dan sekali sahaja dengan menggunakan MyKad;
- ii. Rekod dan maklumat pesakit dapat dikongsi oleh anggota kesihatan di mana pesakit mendapatkan perkhidmatan kesihatan (*seamless care*) sama ada di perkhidmatan primer atau pun sekunder;
- iii. Mendapat rawatan yang berterusan kerana maklumat yang lepas boleh dirujuk untuk rawatan selanjutnya (*continuous care*) dan meningkatkan akses kepada perkhidmatan Pakar bagi pesakit di kawasan pendalaman;
- iv. Fungsi *Registry* yang membolehkan doktor mengumpul maklumat seperti pesakit Diabetes, Hypertension dan sebagainya untuk tujuan memantau keadaan pesakit. Dari

- perspektif kesihatan awam membolehkan intervensi awal kepada kemungkinan berlakunya sesuatu *epidemic*;
- v. TPC membolehkan dokumentasi rekod pesakit yang lengkap bagi setiap encounter tidak kira siapa atau di mana rekod-rekod ini dijana;
 - vi. Semua *health care provider* sama ada Pakar/ Pembantu Perubatan/Jururawat berkongsi rekod elektronik yang sama, maka pengurusan jagaan pesakit adalah lebih *integrated*; dan
 - vii. Sistem TPC menyediakan kemudahan *Drugs surveillance*, selain *drug interations* dan *drug allergy prompts* yang dapat mengurangkan *medical prescription errors*.

TPC adalah hak milik penuh Kementerian Kesihatan Malaysia. Sebarang perluasan ataupun pengubahsuaian aplikasi tidak melibatkan kos yang tinggi dan pergantungan kepada pihak luar. Penggunaan TPC secara menyeluruh boleh menghasilkan satu *Life time Health Record* bagi setiap individu.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN
(TANJONG MANIS)**

TARIKH : 05.03.2009

SOALAN:

Y.B. PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS] minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) sama ada Kementerian bercadang untuk membaiki sekolah-sekolah di dalam kawasan Parlimen Tanjung Manis yang menyerupai reban ayam dan kandang kambing; dan
- (b) jika ya, bilakah pembaikan ini akan mula dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Kerajaan komited dan akan terus memberi keutamaan kepada usaha meningkatkan kualiti sistem pendidikan kebangsaan. Kemudahan asas pendidikan, infastruktur, asrama dan juga rumah guru akan diperluas dan dinaik taraf bagi tujuan merapatkan jurang sama ada di bandar, kawasan luar bandar serta pedalaman termasuklah di kawasan Parlimen Tanjung Manis. Usaha ini meliputi semua jenis sekolah terutama bagi sekolah-sekolah yang daif seperti yang dibangkitkan.

Bagi Kawasan Parlimen Tanjung Manis, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperuntukkan sejumlah **RM3.7juta** untuk penyelenggaraan dan pembaikan kecil. Manakala **RM2.01juta** untuk pembaikan bangunan. Waran peruntukan bagi kerja-kerja pembaikan bangunan sekolah telah dikeluarkan kepada Jabatan Pelajaran Negeri pada Januari 2009. Kerja-kerja pembaikan akan mula dilaksanakan secepat mungkin setelah mengambil kira urusan perolehan yang sedang dilakukan sekarang.

Rjm 61

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL
(SUNGAI PETANI)**

TARIKH : 5 MAC 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

**Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI) minta
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah rumah dan bangunan yang runtuh ekoran dibina di atas permukaan tanah Cerun 3 dan Cerun 4 di Semenanjung Malaysia yang dilaporkan sejak tahun 1990; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang menjadikan undang-undang mengharamkan pembinaan apa jua jenis bangunan di cerun 3 dan cerun 4 bagi mengelak dari kejadian bangunan dan tanah runtuh.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut laporan yang diterima oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), antara insiden kejadian tanah runtuh utama yang melibatkan keruntuhan bangunan dan rumah yang berlaku di Semenanjung Malaysia sejak 1990 adalah seperti berikut :-

- i) Highland Towers, Selangor (1993)
- ii) Pos Dipang, Perak (1996)
- iii) Taman Hillview, Ulu Kelang, Kuala Lumpur (2002)
- iv) Kg. Pasir, Ulu Kelang, Selangor (2006)
- v) Ulu Yam, Selangor (2008)
- vi) Bukit Antarabangsa, Selangor (2008)

KPKT melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) sedang menyemak dan mengemaskini "Garis Panduan

Pemeliharaan Topografi Semula Jadi Dalam Perancangan dan Pembangunan Fizikal (JPBD 15/97)". Pada masa yang sama KPKT juga sedang menyelaraskan Garis Panduan Pembangunan di Kawasan Bukit (KPKT 1997) dan Garis Panduan Pembangunan di Kawasan Tanah Tinggi (NRE, 2005) selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Disember 2008. Penyelarasan adalah dari 3 aspek utama iaitu definisi bukit, ketinggian dan kecerunan agar ianya selaras untuk digunapakai oleh semua agensi yang berkaitan di negara ini.

Garis Panduan yang dikemaskinikan ini akan memberi penekanan kepada aspek keselamatan dan kesensitifan alam sekitar, di mana pembangunan yang boleh dilaksanakan di kawasan tanah tinggi dan berbukit adalah tertakluk kepada empat (4) komponen utama iaitu :

- i. Lokasi yang telah ditentukan di dalam Rancangan Tempatan berkaitan;
- ii. Kegunaan tanah mengikut Rancangan Tempatan berkaitan ;

iii. Intensiti pembangunan yang meliputi densiti, ketinggian, keluasan, kawasan plinth/nisbah plot;

iv. Permohonan untuk pemajuan dan kebenaran merancang perlu mengikut syarat-syarat yang ditetapkan/berkaitan.

Umumnya bagi Kelas III, hanya pembangunan berimpak rendah dibenarkan mengikut kemampuan tampungan (carrying capacity) kawasan serta kerja tanah yang minima. Bagi Kelas IV pula, sebarang pembangunan tidak dibenarkan kecuali kerja yang melibatkan kestabilan cerun dan pembinaan infrastruktur.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2009

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

TARIKH : 5 MAC 2009

SOALAN:

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan pandangan mengenai tindakan Kerajaan Perak mengingkari keputusan Majlis Tanah Negara dengan meneruskan pemberian hak milik tanah pegangan kekal kepada 11 penduduk Kampung Baru Kuala Sungai Rui di Gerik sungguh pun Dasar Tanah telah menetapkan bahawa pegangan tanah secara kekal hanya boleh diberi bagi maksud kegunaan Kerajaan Persekutuan, awam dan keadaan istimewa yang terhad.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan Kerajaan Negeri Perak untuk mengeluarkan pegangan hakmilik selama-lamanya tersebut adalah tidak mengikut lunas-lunas undang-undang dan dasar-dasar yang dibentuk dan dipersetujui oleh Majlis Tanah Negara.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM

TARIKH : 5 MAC 2009 [KHAMIS]

SOALAN : Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan tentang rancangan mewujudkan tapak pemusatan penternakan babi di setiap negeri. Sila senaraikan negeri-negeri yang akan menikmati rancangan ini dan bilakah ia akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan pada 25 Julai 2007 telah memutuskan bahawa kawasan ternakan babi (*pig farming area* - PFA) terus dibangunkan di Negeri Sembilan, Sarawak dan Sabah. Lain-lain negeri akan membangunkan kemudahan *modern pig farming* (MPF).

Proses pembangunan PFA telah dimulakan di Negeri Sembilan pada tahun 1995, di Sarawak pada tahun 2002 dan di Sabah pada tahun 2004.

Di Negeri Sembilan, infrastruktur asas PFA (kecuali kandang babi tertutup) telah siap dibangunkan. Bagi Sarawak pula, pelaksanaan infrastruktur asas masih dijalankan. Di Sabah, *feasibility study* serta penyediaan *environment impact assesment* (EIA Report) telah disiapkan untuk kawasan baru iaitu di Entalibon, Tongod dan pembangunan PFA akan diteruskan di kawasan ini. Manakala di tapak lama PFA di Kampung Timbok, Telipok, satu kajian telah dijalankan dan diputuskan untuk digugurkan sebagai tapak PFA.

Dalam pembangunan MPF pula, sesebuah ladang babi akan ditingkatkan tahap biosekuriti dan sistem pengolahan sisa supaya menjadi sebuah ladang babi yang moden dengan mengamalkan sistem penternakan kandang tertutup berserta sistem pengolahan sisa kumbahan sifar (*closed house zero - discharge system*).

No: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN SALLEH BIN KALBI
(SILAM)
TARIKH : 05. 03. 2009
NO. SOALAN : 51

TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah penjelasan pihak Kementerian mengenai isu kegagalan para peniaga mengambil langkah mengurangkan harga barangan, meskipun Kerajaan telah menurunkan harga minyak sebanyak lima kali sejak Ogos lalu sejajar dengan penurunan harga bahan api itu di pasaran dunia supaya orang ramai mendapat manfaat sepenuhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan agar pengguna mendapat barang keperluan dengan harga yang berpatutan, bukan sahaja di bandar malah di luar bandar juga. Kerajaan telah

melaksanakan beberapa langkah dalam usaha menghilangkan kegelisahan pengguna terhadap harga barangan yang masih mahal berbanding dengan penurunan harga minyak iaitu :

1. Pemantauan harga barangan keperluan di hypermarket, pasaraya dan pasar-pasar basah di seluruh Negara yang dikenali sebagai "*Price Watch*". "*Price Watch*" dilaksanakan bagi memberi maklumat kepada pengguna membuat perbandingan harga ketika berbelanja. Hasil pemantauan yang dijalankan oleh pegawai pemantau harga (PPH) boleh dirujuk di laman web Kementerian bagi membuat semakan harga pada setiap hari bagi kemudahan orang ramai. Pengguna boleh memilih mana-mana premis yang mengenakan harga yang berpatutan apabila ingin berbelanja. Ini akan menyebabkan berlaku persaingan harga di antara pasararaya-pasaraya besar di seluruh negara bagi bertujuan menarik pengguna berbelanja di pasaraya masing-masing.

2. Melaksanakan projek perintis pengedaran barang-barang perlu bersubsidi di kawasan luar bandar yang bertujuan memastikan barangan keperluan bersubsidi terutamanya bahan asas makanan seperti beras tempatan 15 peratus hancur ST15, tepung gandum kegunaan am (GP), minyak masak pek 1kg, roti putih, gula dan LPG sampai kepada golongan sasaran pada harga yang berpatutan dan ditetapkan Kerajaan. Di samping mengenalpasti sistem pengedaran yang cepak, efisien dan kos efektif untuk mengedarkan barangan keperluan kepada pengguna terutama di kawasan luar bandar, projek perintis ini diharap dapat memberikan penyelesaian alternatif di dalam menambahbaik sistem pengedaran sedia ada, memastikan bekalan barangan keperluan yang mencukupi di pasaran terutama di kawasan luar bandar dan untuk mengawal kenaikan harga barangan secara mendadak.

Projek perintis tersebut telah berjaya dilaksanakan di Pulau Pinang (Seberang Perai Utara), Pahang (Pekan), Sarawak (Saratok) serta Sabah (Sipitang dan Pensiangan) dan pada tahun 2009 projek perintis ini akan dilanjutkan ke negeri-negeri lain seperti Kelantan (Jeli), Kedah (Baling), Johor (Pontian) dan Terengganu (Hulu Terengganu).

3. Penganjuran Kempen Penurunan Harga yang bertujuan menggalakkan harga barangan keperluan di pasaran diturunkan dan barangan tersebut dijual pada harga yang berpatutan. Kempen tersebut telah dimulakan pada 24 Oktober 2008 dimulai di peringkat runcit terutamanya bagi sektor peruncitan moden seperti pasaraya besar asing dan tempatan contohnya Giant, Tesco, Mydin, Carrefour, Jusco dan The Store, kedai runcit yang mempunyai jaringan seperti UO Superstore, Sunshine, Econsave, 99 Speedmart dan sebagainya.

4. Kerajaan juga telah mengistiharkan Tahun 2009 sebagai Tahun Kempen Beli Barangan Malaysia yang bertujuan menggalakkan rakyat Malaysia membeli barangan buatan Malaysia yang terbukti dari segi kualitinya dan perkhidmatan selepas jualan yang memuaskan serta menawarkan harga yang berpatutan dan mampu dibeli oleh pengguna.

Kerajaan dari masa ke semasa sentiasa melakukan pemeriksaan dan pemantauan bagi memastikan para peniaga mematuhi undang-undang sediaada dan mengelakkan para peniaga daripada menaikkan harga barang kawalan sewenang-wenangnya. Tindakan pemeriksaan secara keseluruhan yang dijalankan sepanjang musim perayaan dan hari-hari biasa telah dapat menangani masalah peniaga yang tidak beretika.

Selain daripada itu, pemantauan harga barangan juga dijalankan oleh pegawai pemantau harga (PPH) seramai 1551 orang di bawah Majlis Harga Barang Negara. Pegawai pemantau harga membuat pemantauan ke atas harga runcit barang-barang keperluan pengguna pada setiap hari. Pemantauan dibuat di premis-premis perniagaan seperti pasar basah, pasar kering, *supermarket* dan kedai runcit yang berada di bandar-bandar utama dan daerah-daerah termasuk kawasan-kawasan pendalaman.

Sekiranya terdapat para peniaga peniaga yang menjual barang kawalan seperti tepung gandum, gula, beras, roti putih, susu tepung dan minyak masak yang melebihi harga siling tindakan undang-undang akan di ambil.

Selain daripada tindakan undang-undang, beberapa sesi perjumpaan dan dialog dengan pihak peniaga juga dilakukan bagi menyampaikan mesej kerajaan dan mendapatkan input daripada mereka agar suasana perniagaan berjalan secara beretika dan melahirkan kepercayaan pengguna kepada peniaga-peniaga.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD
GHAZALI
[TITIWANGSA]**

TARIKH : KHAMIS, 5 MAC 2009

RUJUKAN : 13

SOALAN :

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan pendirian Kementerian dalam menangani permasalahan Keramat Mall yang tidak menepati keperluan dan kehendak peniaga dan apakah Kementerian telah memperuntukkan kos tambahan bagi membaik pulih pasar serta mengambil tanah-tanah rumah kedai dan juga stesen minyak yang berhampiran.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah bersetuju untuk melaksanakan penambahbaikan seperti mana yang dikemukakan oleh para peniaga dan Persatuan Peniaga Pasar Keramat. Penambahbaikan yang dilaksanakan oleh DBKL adalah seperti berikut :

- 1) Membuka dinding di bahagian '*service lane*' pasar basah agar tidak menyekat pandangan orang ramai akan gerai-gerai keseluruhannya;
- 2) Menambah kemudahan asas seperti lif, eskalator dan tangga;
- 3) Kemudahan penggunaan *show case chillers*;
- 4) Penambahan ruang kemudahan pemunggaan;
- 5) Kemudahan jejantas untuk pengunjung dari stesen LRT Damai ke kompleks ini; dan
- 6) Bekerjasama dengan Syarikat Prasarana Berhad (SPNB) agar dapat gunasama tempat letak kereta bagi memudahkan pengunjung ke Komplek ini.

Bagi melaksanakan penambahbaikan ini, DBKL telah menambahkan peruntukan bagi pembiayaan projek ini dan kerja-kerja penambahbaikan akan disiapkan pada 31 Mac 2009. DBKL juga sedang melakukan perbincangan dengan pelbagai pihak untuk melaksanakan pengambilan balik tanah lot-lot berhampiran dan stesen minyak berdekatan bagi tujuan penambahan tempat letak kereta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH
[LENGGONG]
TARIKH : 5 MAC 2009
RUJUKAN : 1560

SOALAN :

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik kekerapan dan jenis jenayah yang dilakukan oleh warga asing yang tinggal di Negara ini dan usaha yang dilakukan oleh Kerajaan untuk membendung masalah jenayah warga asing. Sejauh mana ia mempengaruhi warganegara Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Lenggong yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini serentak bersama-sama pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat Kota Bharu bertarikh 18 Februari 2009 kerana pertanyaan tersebut adalah mengenai perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, jumlah kes Jenayah Indeks yang dilaporkan bagi tahun 2008 ialah sebanyak 211,645 kes. Daripada jumlah tersebut, penglibatan pendatang asing ialah seramai 4,883 orang bersamaan 2.31%. Manakala bagi tahun 2007, jumlah kes Jenayah Indeks yang dilaporkan ialah sebanyak 209,559 kes dan daripada jumlah tersebut, seramai 3,643 orang atau bersamaan 1.74% yang melibatkan pendatang asing. Jika dilihat secara perbandingan, penglibatan pendatang asing dalam Jenayah Indeks pada tahun 2008 mencatatkan peningkatan sebanyak 0.57% lebih tinggi daripada tahun sebelumnya. Berdasarkan kepada statistik Jenayah Indeks tahun 2007 dan 2008, penglibatan warga negara asing dalam

jenayah curi mencatatkan jumlah tertinggi di mana sebanyak 1,791 kes dilaporkan pada tahun 2008 berbanding tahun 2007, iaitu sebanyak 1,363 kes. Ini diikuti oleh jenayah samun iaitu sebanyak 1,432 kes pada tahun 2007 dan meningkat kepada 1,661 kes pada tahun 2008.

Tuan Yang Dipertua,

Pelbagai pendekatan telah diambil oleh Kerajaan bagi menangani isu ini seperti mengadakan pemantauan dan risikan keselamatan di premis-premis yang dipercayai mempunyai populasi pekerja asing yang besar. Selain itu, melalui jaringan kerjasama di antara PDRM dan pihak Interpol serta pihak berkuasa di negara-negara jiran, mana-mana pendatang asing yang mempunyai rekod jenayah akan ditapis sebelum dibenarkan masuk dan bekerja di negara ini. Walau bagaimanapun, penumpuan lebih diberikan kepada operasi bersepadu dengan kerjasama Jabatan Imigresen dan RELA untuk menjejak, mengesan dan seterusnya menangkap pendatang asing tanpa izin di negara ini. Tindakan untuk mengambil cap jari dan dimasukkan ke dalam rekod sistem biometrik turut dilaksanakan bagi membolehkan kemasukan kali kedua pendatang asing tanpa izin ke Negara ini dapat dikesan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
(POKOK SENA)
TARIKH : 5 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR (POKOK SENA) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah dan tindakan yang diambil Kerajaan untuk menyelesaikan masalah 301,000 keluarga Melayu yang berada pada paras pendapatan kurang daripada RM1,000.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sememangnya sentiasa mengutamakan kebajikan rakyat agar mereka tidak tercicir dari arus pembangunan negara. Pelbagai langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk membantu rakyat terutamanya di kalangan miskin tegar, miskin dan berpendapatan rendah menerusi pelbagai program dan projek yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi Kerajaan bagi membolehkan mereka menikmati kualiti hidup yang lebih baik. Pelaksanaan program pembasmian kemiskinan akan difokuskan kepada usaha pembasmian sepenuhnya miskin tegar dan mengurangkan separuh kemiskinan am menjelang tahun 2010 selaras dengan sasaran

yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, golongan berpendapatan rendah juga akan terus disediakan dengan peluang-peluang yang sewajarnya seperti peluang-peluang pendidikan dan latihan, program keusahawanan, kemudahan kredit mikro dan sebagainya.

Bagi memastikan golongan berpendapatan rendah termasuk yang berpendapatan kurang daripada RM1,000 tidak tercicir daripada peluang-peluang yang disediakan oleh Kerajaan, Kerajaan akan melipatgandakan usaha untuk memperkemaskan maklumat mengenai isi rumah miskin tegar, miskin dan berpendapatan rendah termasuk isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM1,000 secara berterusan bagi memastikan mereka juga mendapat peluang sewajarnya kepada program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Di samping itu, usaha memperkemaskan sistem penyampaian dan penyelarasan di peringkat Kumpulan Fokus di daerah dan negeri juga akan terus dipertingkatkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MASIR ANAK KUJAT
[SRI AMAN]
TARIKH : 5 MAC 2009
SOALAN :

Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada klinik pakar akan ditempatkan di Hospital Umum Sri Aman. Jika tidak, adakah kekerapan lawatan klinik pakar dari Hospital Umum Kuching akan ditingkatkan untuk merawat pesakit-pesakit tempatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Klinik-klinik Pakar terletak di bangunan Poliklinik Sri Aman yang berada dalam kawasan Hospital Sri Aman. Pada masa ini, hanya terdapat Pakar O&G yang ditempatkan di Hospital Sri Aman. Bagi menyediakan perkhidmatan kepakaran yang lain seperti Pakar ENT, Pakar Pediatrik, Pakar Oftalmologi, Pakar Ortopedik dari Hospital Umum Sarawak dan Pakar Psikiatri dari Hospital Sentosa akan mengadakan lawatan berkala dan berjadual (*Visiting specialists*)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF
[BALIK PULAU]**

TARIKH : 5 MAC 2009

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai penarikan peruntukan pembangunan sebanyak RM500,000 terhadap Ahli-ahli Parlimen Pembangkang.

JAWAPAN : YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,

Peruntukan Khas Kawasan Parlimen adalah diuruskan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan/Pejabat Pembangunan Negeri (JPP/PPN) dan ianya tidak pernah ditarik balik walaupun kawasan tersebut merupakan kawasan Parlimen pembangkang. Pegawai Pembangunan Persekutuan/Pegawai Kemajuan Negeri akan menimbang sama ada permohonan projek di bawah peruntukan ini yang dikemukakan oleh YB. Ahli Parlimen atau pihak-pihak lain termasuk

pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk faedah rakyat dan jika didapati sesuai akan diluluskan dan dilaksanakan mengikut peraturan kewangan yang telah ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan dan surat-surat Arahan Perbendaharaan yang berkaitan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang
[Marang]**

TARIKH : 5 Mac 2009

**SOALAN : Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang]
minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) sejauh manakah relevan dan berkesannya Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji untuk memantau perjalanan urusan haji setiap tahun sedangkan semuanya telah diuruskan oleh Tabung Haji; dan
- (b) sama ada benar pegawai pengurusan jabatan berkenaan adalah dari kalangan anggota PTD yang tidak mempunyai kelulusan agama. Jika tidak apakah alasannya.

Jawapan:

Tuan Yang di Pertua,

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) merupakan sebuah jabatan kerajaan di peringkat persekutuan. Penubuhannya telah diisytiharkan pada 27 Mac 2004 oleh YAB Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia.

Salah satu fungsi penubuhannya ialah memberi khidmat nasihat dan maklumbalas kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaras dengan Peruntukan Akta Lembaga Tabung Haji (A.535) mengenai isu-isu yang berkaitan perundangan, pelaburan dan pengurusan haji. Ini bertujuan

NO SOALAN:57

untuk memastikan perancangan, penyelarasan dan pengurusan haji kekal relevan serta dipantau dengan berkesan demi kemajuan ummah.

Sehubungan itu, selaras dengan peranan sebagai jabatan Kerajaan yang bertanggungjawab memberikan pandangan dan khidmat nasihat kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, JAWHAR telah diamanahkan untuk melaksanakan kajian berkaitan pengendalian urusan haji bagi musim 1428H/2007M dan 1429H/2008M. Kajian pemantauan yang dijalankan oleh JAWHAR ini adalah bertujuan untuk membantu LTH mengekalkan prestasinya sebagai pengurusan haji yang terunggul di dunia.

Sebagai badan pengurusan yang telah mencapai tahap yang tinggi, LTH sudah pasti akan terus berusaha untuk mengekalkan prestasinya dengan melaksanakan pelbagai kemudahan dalam perkhidmatan pengurusan haji. Oleh yang demikian, JAWHAR sebagai agensi kerajaan akan bertindak untuk memastikan supaya pengurusan dan perkhidmatan haji yang dilaksanakan oleh LTH terus berada dalam landasan yang teratur dan tersusun.

Tuan Yang di Pertua,

Pada setiap tahun, JAWHAR juga akan turut menyertai rombongan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk berunding dengan Kerajaan Arab Saudi berkaitan hal-hal berikut:

- a) rundingan mengenai kuota haji;
- b) hal ehwal kebajikan jemaah haji Malaysia;
- c) kemudahan penginapan jemaah haji; dan
- d) perbincangan mengenai kerjasama antara LTH dengan Muassasah Haji Asia Tenggara.

NO SOALAN:57

Selain itu, JAWHAR juga turut memberi ulasan dan pandangan kepada YB Menteri mengenai hal ehwal pelaburan dan pembangunan LTH. Perkara ini adalah bergantung kepada keperluan dari masa ke semasa (seperti di dalam maklumat tambahan).

Soalan (b):

Tuan Yang di Pertua,

Sebagai sebuah jabatan kerajaan di peringkat persekutuan, pegawai di JAWHAR terdiri daripada berbagai skim perkhidmatan. Antaranya adalah Pegawai Tadbir dan Diplomatik (M), Pegawai Hal Ehwal Islam (S), Pegawai Kehakiman dan Perundangan (L), Akauntan (W), Pegawai Sistem Maklumat (F) dan Jurutera (J).

Pegawai-pegawai dari skim Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) yang berkhidmat di JAWHAR ini juga turut mempunyai latarbelakang yang berkelulusan agama dari universiti tempatan dan luar negara. Di JAWHAR mereka ini terlibat secara langsung untuk merancang dan melaksanakan setiap aktiviti dan program untuk pembangunan dan kesejahteraan ummah. Sehubungan itu, pihak kerajaan juga akan menambah bilangan pegawai-pegawai yang berkelulusan agama dari masa ke semasa.

NO SOALAN:57

Berikut adalah jumlah pegawai yang berkhidmat di JAWHAR mengikut skim perkhidmatan kerajaan:

Bil	Jawatan	Jumlah (sedia ada)
1.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Pegawai berkelulusan agama – 7 orang)	17
2.	Pegawai Hal Ehwal Islam	5
3.	Pegawai Undang-undang	1
4.	Pegawai Sistem Maklumat	2
5.	Akauntan	3
6.	Jurufera	1

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR
[KETEREH]**

TARIKH : 5 MAC 2009

RUJUKAN : 1558

SOALAN :

Tuan Haji Ab Aziz Bin Ab Kadir [Ketereh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan peratus jangkaan peningkatan kadar jenayah yang mungkin berlaku kesan daripada kemelesetan ekonomi dunia dan apakah langkah-langkah awal yang telah diambil bagi membendung masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ketereh yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, faktor kemelesetan ekonomi dunia berkemungkinan menyumbang dalam peningkatan kadar jenayah di negara ini. Ini berikutan pemberhentian kerja secara beramai-ramai oleh syarikat-syarikat atau kilang-kilang yang menyebabkan ramai kehilangan punca pendapatan. Walaubagaimanapun, dalam konteks negara kita buat masa ini, faktor tersebut masih belum mendatangkan kesan yang meluas. Pihak polis menjangkakan peratus peningkatan kadar jenayah pada tahun ini adalah sekitar 1 hingga 5%.

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai persediaan dalam memerangi jenayah di negara ini, PDRM sedia maklum berhubung fenomena "Fear Of Crime" yang wujud di kalangan rakyat dan masalah yang bakal timbul ekoran daripada kegawatan ekonomi yang melanda negara. Pelbagai usaha telah dirancang dan dilaksanakan oleh PDRM bagi memastikan masalah peningkatan kadar jenayah akan berada di tahap yang minimum.

Pelan Strategik 5 Tahun (PS5T) PDRM 2007-2011 telah menetapkan hala tuju yang jelas dalam menangani masalah peningkatan jenayah dan kebimbangan masyarakat terhadap jenayah. Susulan itu, satu Jawatankuasa Memerangi Jenayah yang dipengerusikan oleh Ketua Polis Negara dan ahlinya terdiri daripada kesemua Pengarah Jabatan PDRM dan Ketua-Ketua Polis Negeri telah ditubuhkan untuk mengatasi masalah peningkatan kadar jenayah secara khusus di samping tindakan dan pencegahan secara menyeluruh.

Tuan Yang Dipertua,

Penggunaan konsep Blue Ocean Strategy dalam pencegahan jenayah juga diperkenalkan sebagai penambahbaikan kepada strategi yang dilaksanakan. Jawatankuasa ini akan bersidang sebulan sekali bagi tujuan memantau program-program yang dilaksanakan dan juga mendapatkan maklumbalas daripada ahli-ahli. Penumpuan diberikan kepada 4 negeri iaitu Kuala Lumpur, Perak (Ipoh), Johor (Johor Bahru) dan Pulau Pinang. Berikut adalah usaha bagi memastikan kadar jenayah dapat diturunkan dari masa ke semasa bertujuan mempertingkatkan operasi yang teratur (organised operation). Program ini terbahagi kepada 3 peringkat, iaitu:

- (i) Operasi Dalaman (Internal Operation) terhadap pusat-pusat hiburan, kawasan-kawasan tertentu, rumah-rumah kongsi dan pendatang asing;

- (ii) Operasi khusus terhadap jenayah tertentu seperti curi motosikal, curi kenderaan, kegiatan mat rempit dan pecah rumah; dan
- (iii) Operasi Bersama (Integrated Operation) yang melibatkan lain-lain Jabatan Kerajaan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Kastam, RELA, Pihak Berkuasa tempatan, AADK dan sebagainya. Dalam operasi tersebut, PDRM perlu memainkan peranan sebagai 'leading agency'.

Selain itu, usaha mempertingkatkan kehadiran pihak polis (police omnipresence) di kawasan tumpuan ramai atau hot spot bagi mencegah berlakunya jenayah turut dilaksanakan. Polis Unit Belancong turut diperkasakan melalui penambahan anggota dan tugas yang lebih berkesan. Bagi operasi memerangi jenayah yang lebih efektif, pihak polis turut menggerakkan pasukan bantuan dari Pasukan Gerakan Am, Pasukan Simpanan Persekutuan dan Pasukan Gerakan Marin dalam membantu operasi pencegahan jenayah. Selain itu, satu task force telah diwujudkan dengan tujuan pengkhususan dalam membanteras jenayah-jenayah tertentu yang dikenalpasti sebagai penyumbang utama jenayah. Konsep community policing juga turut diberikan penambahbaikan dari segi pelaksanaannya di mana program bersama rakyat seperti dialog, seminar, perjumpaan, ceramah dan Rakan Cop telah dipertingkatkan.

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai tindakan langkah jangka masa panjang, pihak polis turut mensasarkan pendidikan kepada generasi muda dengan memberi penekanan serta memperbanyakkan lagi program yang dijalankan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan. Selain itu, pihak polis turut mengadakan mesyuarat projek bagi semua kes-kes jenayah yang berprofil tinggi dan menarik perhatian supaya tindakan dapat diambil dengan cepat dan professional. Dari segi penguatkuasaan pula, pihak polis turut melaksanakan Aggressive Policing melalui operasi yang diadakan ke atas pusat-pusat hiburan dan memastikan dakwaan dibuat dalam masa 7 hari selepas tangkapan yang positif dilakukan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH
(SUBANG)**

TARIKH : 5 MAC 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH (SUBANG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah bangunan-bangunan kediaman yang bertingkat (high rise residential buildings), mengikut negeri-negeri, yang diliputi oleh Akta 663, dan sama ada Kerajaan bercadang mengkaji semula Akta tersebut untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang jelas wujud dalamnya.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Bangunan dan Harta Bersama, (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) telah dilaksanakan sepenuhnya di Semenanjung Malaysia dan belum lagi diperluaskan ke Sabah dan Sarawak. Mengikut Akta ini, bagi setiap Bangunan Kediaman Berstrata yang didirikan, dikenali dan dikategorikan sebagai Kawasan Pemajuan.

Dari maklumat yang diterima oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), jumlah kawasan pemajuan bangunan berstrata adalah sebanyak 6,769. Maklumat lanjut mengenai kawasan pemajuan berstrata mengikut pecahan negeri adalah seperti berikut :-

No.	NEGERI	Kawasan Pemajuan	
		Bilangan Kawasan Pemajuan	
1	JOHOR	657	
2	KEDAH	137	
3	KELANTAN	0	
4	MELAKA	176	
5	N. SEMBILAN	225	
6	PAHANG	138	
7	PERAK	142	
8	PERLIS	0	
9	PULAU PINANG	487	
10	SELANGOR	2,960	
11	TERENGGANU	44	
12	W. PERSEKUTUAN	1,803	
JUMLAH		6,769	

Buat masa ini, KPKT sedang memantau dan membuat penilaian ke atas pelaksanaan Akta 663. Maklumbalas yang diterima daripada pihak yang berkepentingan akan diambil kira dalam usaha membuat penambahbaikan ke atas Akta ini. Satu jawatankuasa bersama peringkat jabatan telah dipersetujui ditubuhkan bagi menyelaraskan dan menambahbaik peruntukan yang berkaitan dengan pengurusan bangunan berstrata sepertimana yang terkandung dalam Akta 663.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2009

No: 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT
(KUALA TERENGGANU)
TARIKH : 05. 03. 2009
NO. SOALAN : 58

TUAN MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (KUALA TERENGGANU) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah terdapat cadangan oleh pihak kerajaan untuk memberi insentif khusus kepada pengusaha stesen minyak Petronas sebagai satu usaha untuk memperkukuhkan sektor peruncitan syarikat minyak Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tidak mempunyai sebarang cadangan untuk memberikan insentif khusus kepada pengusaha stesen minyak Petronas walaupun Petronas merupakan syarikat minyak nasional. Ini adalah untuk menggalakkan persaingan yang sihat dikalangan para pengusaha stesen minyak pelbagai jenama di negara ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD
TAIB [BALING]**
TARIKH : 5 MAC 2009
RUJUKAN : 1559

SOALAN :

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan sudah menyiasat risalah-
risalah berbau perkauman yang dijumpai semasa kempen pilihan raya kecil.
Kuala Terengganu baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Baling yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa menjalankan siasatan terhadap risalah-risalah penyebaran berita-berita palsu dan isu-isu berbau perkauman yang disebarkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab semasa Pilihan Raya Kecil Kuala Terangganu. Ini kerana tindakan mereka boleh mencetuskan salah faham, kekeliruan serta menjejaskan keharmonian hidup rakyat berbilang kaum.

Walau bagaimanapun, sebarang tindakan undang-undang hanya boleh diambil sekiranya ada pihak sanggup tampil memberikan butiran lanjut dan bukti kukuh kepada pihak berkuasa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. ZAINAL ABIDIN B. AHMAD
[HULU SELANGOR]
TARIKH : 5 MAC 2009
RUJUKAN : 1671

SOALAN:

Dato' Dr. Zainal Abidin B. Ahmad [Hulu Selangor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan serantau dengan menambahkan bilangan pelajar-pelajar antarabangsa, terdapat isu pelajar antarabangsa menyalahgunakan visa pendidikan mereka dengan terlibat dalam salah laku moral dan jenayah. Berapakah bilangan pelajar antarabangsa yang terlibat dan dari negara manakah mereka berasal.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Hulu Selangor kerana bertanyakan soalan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, strategi Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan bagi pendidikan di rantau ini telah menampakkan impak yang positif. Di bawah strategi ini, Kerajaan telah mensasarkan seramai 100,000 pelajar asing akan belajar di Malaysia. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sehingga 31 Disember 2008, terdapat sebanyak 90,501 **Pas Pelajar** yang masih aktif yang dikeluarkan kepada pelajar asing untuk melanjutkan pelajaran di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) / atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) sekolah-sekolah swasta, persendirian dan antarabangsa di seluruh negara ini. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada statistik ini, maka Kerajaan dijangka akan mencapai sasarannya menjelang tahun 2009 iaitu satu tahun lebih awal dari tarikh yang ditetapkan iaitu 2010.

Kehadiran begitu ramai pelajar asing di negara ini sudah pasti akan menimbulkan pelbagai masalah sosial. Terdapat segelintir pelajar asing yang terlibat dalam salah laku moral dan jenayah seperti penagihan dadah, pengedaran dadah, menjadi Pegawai Perhubungan Pelanggan (*Guest Relation Officers* atau GRO) di pusat-pusat hiburan, pelacuran dan

sebagainya. Kesemua kesalahan ini adalah melanggar Seksyen 39 (b) Peraturan - Peraturan Imigresen 1963 iaitu penyalahgunaan pas.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh JIM, bagi tempoh 1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2008, seramai 6,572 orang warganegara asing telah ditangkap kerana melakukan kesalahan di bawah Seksyen 39 (b). Dari jumlah ini, bilangan pelajar yang ditangkap di bawah seksyen ini adalah dianggarkan kurang daripada lima peratus (5%). Kementerian tidak dapat memperincikan warganegara pelajar ini kerana statistik yang dikumpulkan adalah berdasarkan jenis kesalahan dan bukan pas imigresen yang dipegang.

Justeru itu, bagi pelajar-pelajar yang melakukan kesalahan di bawah Perkara 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963, mereka akan didenda, data biometriknya akan disimpan di dalam sistem Jabatan Imigresen Malaysia, disenaraihitamkan, dan dihantar pulang bagi memastikan pelajar ini **TIDAK** dapat memasuki negara ini lagi. Manakala bagi Institut Pengajian Tinggi Swasta yang membenarkan penyalahgunaan pas pelajar di kalangan pelajarannya, kelulusan KDN bagi pengambilan pelajar asing akan ditarik semula dan akan disenaraihitamkan. Sehingga kini sebanyak 36 IPTS yang telah dibatalkan kelulusan untuk pengambilan pelajar asing kerana melakukan pelbagai kesalahan.

SOALAN NO. (63)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANIKAVASAGAM A/L
SUNDARAM (KAPAR)**

TARIKH : 5 MAC 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM (KAPAR) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** Menyatakan jumlah pampasan yang tribunal perumahan anugerahkan sejak penubuhan serta peratusan pemaju yang gagal mematuhi arahan tribunal. Apakah langkah Kerajaan terhadap pemaju yang enggan atau gagal membayar pampasan dianugerahkan oleh tribunal dan senaraikan nama pemaju-pemaju perumahan yang telah di senarai hitam mengikut kesalahan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sebanyak 24,126 Award Tuntutan telah dianugerahkan oleh Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) sejak penubuhannya sehingga 31 Januari 2009. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4,032 Award Tuntutan yang melibatkan 272 pemaju masih gagal dipatuhi.

Bagi pemaju-pemaju yang masih gagal mematuhi Award TTPR ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengambil tindakan dengan menyenaraihitamkan syarikat serta kesemua Ahli Lembaga Pengarahnya. Melalui penyenaraihitaman ini, para pemaju tidak dipertimbangkan untuk memperoleh Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan bagi projek perumahan yang baru.

KPKT juga mengambil tindakan pendakwaan ke atas pemaju-pemaju yang terlibat dalam kes ini di bawah seksyen 16AD(1) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118]. Setakat ini, dari tahun 2004 sehingga 31 Januari 2009 sebanyak 775 kes kesalahan dibawah seksyen 16AD1 telah dibawa ke mahkamah bagi tujuan pendakwaan.

Senarai nama pemaju-pemaju perumahan yang disenaraihitamkan di atas kesalahan Seksyen 16AD(1) kerana gagal mematuhi Awar0d TTPR akan diberi secara bertulis. Dalam pada itu, Ahli-Ahli Yang Berhormat juga boleh memperoleh maklumat berkenaan melalui laman web KPKT di www.kpkt.gov.my.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2009

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
(KUANTAN)**

TARIKH : 5 MAC 2009

SOALAN:

**YB. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN) minta
PERDANA MENTERI menyatakan:**

- (a) bilakah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) untuk Malaysia akan ditukar; dan
- (b) apakah kayu ukur yang akan digunakan di dalam menetapkan PGK yang baru.

CADANGAN JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) terbaru bagi tahun 2008 dijangka akan dapat dikeluarkan setelah urusan mengemaskini beberapa maklumat berkaitan termasuk Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) 2008 dapat diselesaikan dalam masa terdekat.

PGK merupakan jumlah pendapatan minimum makanan dan bukan makanan yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah bagi membolehkan setiap ahlinya bergiat aktif dalam masyarakat.

Kayu ukur utama yang akan digunakan dalam menetapkan PGK ini adalah maklumat mengenai harga barang-barang yang disenaraikan dalam bakul makanan serta maklumat mengenai harga bukan makanan seperti pakaian dan keperluan-keperluan lain termasuk sewa rumah, bahan api dan tenaga, pengangkutan dan perhubungan, kesihatan, pelajaran dan rekreasi. Di samping itu, maklumat mengenai corak perbelanjaan isi rumah yang diperolehi daripada Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah (HES) akan dijadikan asas kepada penentuan komponen item-item yang diletakkan dalam PGK. Manakala maklumat daripada HIS akan dijadikan asas untuk proses verifikasi dan semakan kepada anggaran PGK yang dikeluarkan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW
[KEPONG]
TARIKH : KHAMIS, 5 MAC 2009
RUJUKAN : 12
SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bagaimana perkembangan pelan tempatan susulan kepada pelan strukturnya. Apakah kriteria dan prosedur yang sedang digunakan olehnya bagi meluluskan projek-projek sekarang serta tempoh permohonan yang diperlukan jika semua syarat dipatuhi.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, Datuk Bandar Kuala Lumpur telah menyediakan draf pelan tempatan yang dikenali sebagai **Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (DPBRKL 2020)** sebagai susulan kepada **Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020** yang telah diwartakan pemakaiannya pada 4 November 2005.

Pada waktu ini, Jawatankuasa Pendengaran Pandangan Awam (JKPPA) sedang mendengar pandangan dan bantahan awam berkaitan Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (DPBRKL2020). Setelah tamat pendengaran awam, JKPPA akan menyediakan Laporan Pendengaran Pandangan Awam untuk dikemukakan kepada Datuk Bandar.

Datuk Bandar akan meneliti Laporan Pendengaran Pandangan Awam dan meminda DPBRKL2020 seandainya perlu dan mengemukakannya kepada Menteri Wilayah Persekutuan. Seterusnya, Menteri Wilayah Persekutuan akan mempertimbangkan kelulusan Pindaan DPBRKL2020 berasaskan pendapat yang diberikan oleh Lembaga Penasihat Perancangan Wilayah Persekutuan. Semasa proses penelitian dibuat, tiga dokumen akan dirujuk iaitu :

- i. Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020
- ii. Laporan Pendengaran Pandangan Awam
- iii. Laporan Pindaan Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020.

Dalam proses mempertimbangkan kelulusan permohonan, pada peringkat sekarang sehingga pelan tempatan diwartakan, Y.Bhg. Datuk Bandar telah memutuskan langkah-langkah interim seperti berikut:

- i. Cadangan pembangunan yang selaras dengan zon guna tanah dan kepadatan penduduk dalam Pelan Pembangunan Lengkap/ Kaedah-kaedah (Perancangan) (Zon & Kepadatan) Wilayah Persekutuan, 1985 sedia ada (tidak perlu diproses mengikut Kaedah 5) serta selaras dengan ketetapan DPBRKL2020 bolehlah diberi pertimbangan seperti biasa.

- ii. Cadangan pembangunan yang terlibat dengan Kaedah 5 (melibatkan penukaran zon guna tanah. Kepadatan dalam Pelan Pembangunan Lengkap/ Kaedah-kaedah (Perancangan) (Zon & Kepadatan) Wilayah Persekutuan, 1985) tetapi selaras dengan ketetapan di dalam DPBRKL2020 masih boleh dipertimbangkan seperti biasa.

Bagaimanapun sekiranya cadangan tersebut menerima bantahan keras dari penduduk sekitar, cadangan tersebut wajar ditangguhkan sehingga proses pewartaan PBRKL2020 selesai dijalankan. **Cadangan pembangunan yang bercanggah dengan ketetapan DPBRKL2020 perlu ditolak atau ditangguhkan sehingga proses pewartaan PBRKL2020 selesai dilaksanakan.**

Cadangan pembangunan yang telah selesai diproses mengikut Kaedah 5 sebelum DPBRKL2020 dipamerkan adalah tidak wajar ditangguhkan sehingga PTKL diwartakan. Ini kerana cadangan pembangunan tersebut telahpun dinilai berdasarkan garis panduan yang digunapakai sebelum DPBRKL2020 dipamerkan. Walau bagaimanapun, bagi kes yang mendapat bantahan keras dari penduduk sekitar, cadangan tersebut wajar ditangguhkan.

NW: 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN [66]

DARIPADA : YB Tuan Azan bin Ismail (Indera Mahkota)

TARIKH : 5 MAC 2009

SOALAN : **YB Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian negara terhadap kekejaman Israel di Bumi Palestin dan apakah cadangan jangka panjang untuk bertindak sekiranya perkara ini berulang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya memohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab YB Indera Mahkota.

2. Seperti YB sedia maklum, serangan Israel ke atas Gaza, adalah jelas menunjukkan sikap bongkak sekelompok masyarakat yang tidak menghiraukan rayuan menghentikan serangan oleh masyarakat antarabangsa. Sejajar dengan perlakuan tersebut, Malaysia menganggap tindakan kejam Israel ini sebagai satu tindakan unilateral yang mengenenpikan norma dan prinsip kemanusiaan sejagat. Malaysia juga beranggapan bahawa tindakan kejam tersebut sebagai satu jenayah terhadap kemanusiaan atau *crime against humanity* berikutan genosid yang dihasilkan.

3. Cadangan jangka panjang Malaysia ialah untuk terus mengadakan kerjasama dengan masyarakat antarabangsa melalui penglibatan negara di dalam PBB, OIC dan NAM supaya menyokong usaha dan cadangan untuk mengheret Israel ke Tribunal Jenayah Antarabangsa. Malaysia akan berusaha untuk mendapatkan sokongan mereka khususnya negara-negara anggota NAM dan OIC yang meliputi sebahagian besar anggota PBB.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NW: 67.

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]**

**TARIKH JAWAPAN : 5 MAC 2009 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. 67

SOALAN

Dr. Che Rosli Bin Che Mat minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan;

- (a) apakah syarikat-syarikat IPP yang telah mendapat bayaran dari Kerajaan sebanyak RM43 bilion; dan
- (b) adakah semua syarikat IPP yang dikehendaki menyumbang 1% dari keuntungan mereka untuk R&D tenaga melaksanakan tanggungjawab mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan tidak pernah membuat sebarang pembayaran terus kepada mana-mana syarikat penjana bebas (IPP) seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat Hulu Selangor ialah berhubung jawapan yang telah saya kemukakan di dewan yang mulia ini pada 27 November 2008 yang lalu, iaitu jumlah pembayaran yang telah

dibuat oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada 13 penjana bebas dari tahun 2004 hingga Mei 2008.

Jumlah bayaran yang dimaksudkan merangkumi *energy payment* dan *capacity payment* dengan izin kepada penjana-penjana bebas iaitu YTL, Segari Energy Ventures, Genting Sanyen Power, Powertek Berhad, Port Dickson Power, Teknologi Tenaga Perlis Consortium, Pahlawan Power, Panglima Power, GB3, Prai Power, Kapar Energy Ventures, Janamanjung dan Tanjung Bin Power.

Berhubung sumbangan 1 peratus dari keuntungan IPP kepada Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) bagi tujuan R&D, semua IPP di Semenanjung telah menjalankan tanggungjawab mereka seperti yang telah diperuntukkan. Melalui dana ini, sebanyak RM 63.5 juta berjaya dikumpulkan pada tahun 2007 dan RM 70.1 juta pada tahun 2008.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HJ. WAN ABD. RAHIM BIN WAN
ABDULLAH
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 5 MAC 2009 (Khamis)

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan memansuhkan Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) di semua negeri seperti yang dilakukan di Sabah. Jika tidak, sila berikan alasan mengapa berlaku *double standard* sebegini.

JAWAPAN : YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK). Ini adalah kerana JPPK telah memainkan peranannya dengan berkesan untuk turut mensejahterakan rakyat melalui berbagai program dan projek yang dilaksanakan. Perkara ini juga telah diakui oleh berbagai pihak di negeri Kelantan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR (LEMBAH PANTAI)
TARIKH : 25.02.2009
SOALAN : **Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR (LEMBAH PANTAI)**

Meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta di kawasan Parlimen.

JAWAPAN : Satu Tender untuk cadangan tempat letak kereta bagi tambahan 103 lot *parking* telah dipanggil dan dalam peringkat penilaian oleh JKR. Kerja dijangka dimulakan pada bulan April 2009.

Cadangan tempat letak kereta bertingkat juga telah dimasukkan dalam Cadangan Bangunan Baru Parlimen dan jika diluluskan untuk pembinaan akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh kelak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM

TARIKH : 5 MAC 2009

SOALAN:

Tan Sri Dato' Abd. Khalid Bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Peguam Negara menyedari tentang kesahihan penubuhan JKPP setelah memberi pertimbangan sewajarnya terhadap kuasa Kerajaan negeri dalam pelantikan ketua kampung.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

1. Jabatan Peguam Negara berpendapat soalan ini merujuk kepada penubuhan **JKKKP** (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan) dan **bukan JKKP**.

2. Penubuhan JKKKP diputuskan oleh Jemaah Menteri pada 11 Jun 2008 bagi negeri-negeri Kedah, Perak, Pulau Pinang, Selangor dan Kelantan. Tujuan JKKKP ditubuhkan adalah untuk memastikan projek/program Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di luar bandar khususnya program-program berkaitan pembangunan dan pembasmian kemiskinan dapat dilaksanakan. Dari segi pelaksanaan, tugas-tugas pembangunan Pengerusi JKKKP sebagai ketua dan pemimpin Jawatankuasa ini di peringkat kampung sebagaimana yang diputuskan oleh Jemaah Menteri adalah untuk "menentukan pelaksanaan projek-projek pembangunan dan Keselamatan kampung dari semasa ke semasa dan memastikan segala program/aktiviti yang dirancang oleh Kerajaan Persekutuan dan JKKKP berjalan lancar.

3. Program berkaitan pembangunan dan pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh JKKKP ini adalah menyentuh perkara mengenai "kebajikan masyarakat, perancangan bandar dan desa serta perumahan" yang disenaraikan dalam Senarai Bersama. Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang Kerajaan Persekutuan, menurut Perkara

74(1) Perlembagaan Persekutuan, mempunyai kuasa perundangan mengenainya. Sehubungan dengan itu juga, menurut Perkara 80(1) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan turut mempunyai kuasa eksekutif berhubung dengan perkara ini.

4. Mengenai kuasa Kerajaan Negeri untuk melantik ketua kampung tidak terdapat mana-mana peruntukan undang-undang yang nyata (*there is no express legal provision*) berhubung dengan perkara ini. Meskipun secara implikasi boleh dirumuskan sedemikian memandangkan perkara mengenai "kerajaan tempatan" terletak di bawah Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, namun memandangkan penubuhan JKKKP ini merujuk kepada pelaksanaan projek/program di luar bandar berkaitan dengan pembangunan dan pembasmian kemiskinan, maka Jabatan Peguam Negara berpendapat bahawa penubuhan JKKKP khusus bagi maksud ini bukanlah suatu perkara yang secara nyata bertentangan dengan undang-undang (*not expressly forbidden by law*). Penubuhan JKKKP ini adalah dilaksanakan secara pentadbiran (*administratively set up*) dan perkara ini merupakan keputusan dasar Kerajaan Persekutuan bagi memastikan program/aktiviti yang diatur dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. (71)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN (AMPANG)**

TARIKH : 5 MAC 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN (AMPANG)
minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**
menyatakan :-

- (a) adakah benar jika bangunan itu dibuat dengan konsep Komuniti Berpagar mempunyai hak untuk menegah pihak seperti bomba, polis, kontraktor pembersihan dan lain-lain dari memasuki kawasan berpagar ini; dan
- (b) jika ya, adakah Kerajaan sedia menggubal yang berkaitan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suatu pemajuan perumahan berkonsepkan Komuniti Berpagar (*Gated Community*) adalah tertakluk kepada Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318]. Sebelum pengeluaran hak milik strata, penyenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama dalam komuniti tersebut adalah tertakluk kepada Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] .

Penghuni kawasan komuniti berpagar tidak berhak menegah pihak berkuasa seperti polis dan bomba memasuki kawasan berpagar sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang tertentu seperti Kanun Tatacara Jenayah dan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [Akta 341]. Sebagai contoh, pihak polis boleh memasuki kawasan berkenaan bagi menyiasat suatu kesalahan jenayah yang dilakukan di sesuatu kawasan

tanpa mengambilkira sama ada ia kawasan berpagar atau tidak.

Berhubung dengan kontraktor pembersihan pula, isu tersebut adalah tertakluk kepada apa-apa kontrak atau perjanjian yang dibuat antara Badan Pengurusan Bersama atau Perbadanan Pengurusan dengan kontraktor terbabit.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2009